Pelita BRUNEI
Hujung Minggu
ڤليتا بروني
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat


فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"UMAT Islam tidak akan mencapai kecemerlangan sekiranya mereka meninggalkan ibadat kepada Allah. Kerana kecemerlangan itu adalah bulat-bulat daripada Allah. Bagaimanakah Allah akan mengurniakannya kepada kita, jika kita tidak mahu menyembah-Nya."
- Titah Sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1428 Hijrah / 2007 Masihi.

مانيسڽ ايمان

MANISNYA IMAN

"SESUNGGUHNYA orang-orang yang membazir (membelanjakan harta pada jalan yang menyalahi syarak) itu ialah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhannya."
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra', ayat 27.

Waktu Sembahyang

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5.00 | 5.10 | 6.33 | 6.57 | 12.30 | 3.52 | 6.25 | 7.38 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit


TAHUN 63 / BILANGAN 6 | 13 JANUARI 2018 / 1439 26 ربيع الأخير | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA


# Berangkat menyaksikan pementasan ISB



Oleh : Nur Amalia Alisha Daud
Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**SUNGAI AKAR,** Jumaat, 12 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat menyaksikan malam pembukaan Produksi Pementasan Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB).

Ke muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat menyaksikan malam pembukaan Produksi Pementasan Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB).

# Pastikan bandar daya tarikan perkembangan ekonomi

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 10 Januari. - Detik gemilang Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta mencerminkan keharmonian hidup bermasyarakat di negara ini yang perlu kita pertahankan supaya negara terus kekal dalam aman dan makmur untuk diwarisi oleh generasi demi generasi.

Wawasan Brunei 2035 di mana harus memastikan bahawa langkah kita tidaklah ke mana-mana, melainkan hanya terarah kepada sasaran sahaja sehingga tercapainya matlamat 'Brunei Maju'.

Kerjasama erat semua pihak yang amat diperlukan kerana dengan kerjasama inilah akan menjadikan iklim perniagaan dan perusahaan bertambah mudah, sekali gus akan menjadikan negara juga lebih menarik di mata pelabur-pelabur asing.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menekankan tiga perkara utama tersebut dalam petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Awal Tahun Baharu Masihi 2018.

Ke muka 6


IKUTI KAMI DI
infodept.bn @Infodept_bn
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri




Muka 7

ASPEK ugama diterapkan di awal pendidikan



Muka 8

KONSEP *non-postal services* diperkenalkan

# Perkembangan terbaharu perbankan, kewangan Islam didedahkan

**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**PERTAMA** sekali, bagi pihak Jawatankuasa Penganjur Persidangan Antarabangsa Universiti-Universiti ASEAN Mengenai Kewangan Islam (AICIF) Ke-5, kami ingin menjunjung kasih ke hadapan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menghadiri dan merasmikan pembukaan Persidangan Antarabangsa ASEAN Ke-5 Kewangan Islam, AICIF 2017.

Persidangan hari ini, yang dianjurkan oleh Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, UNISSA dengan kerjasama Pusat Perbankan, Kewangan dan Pengurusan Islam, Negara Brunei Darussalam; Institut Latihan dan Penyelidikan Islam, Saudi Arabia; dan Amanah Institute of Islamic Finance and Economic, Jerman. Kerjasama di antara perbankan Islam terkenal di dunia dan institusi latihan profesional menggariskan bertapa pentingnya persidangan ini, untuk pihak berkepentingan utama kewangan Islam di rantau ini, dan juga di seluruh dunia.

Persidangan ini mendedahkan perkembangan terbaharu dalam dunia perbankan dan kewangan Islam, pandangan yang berharga untuk semua ahli akademik, para pengamal, dan pembuat dasar, dalam membentuk ke arah masa depan perbankan dan kewangan Islam. Sebagai persidangan antarabangsa bersama, ia juga memperkukuhkan lagi hubungan antara universiti-universiti negara ASEAN yang menawarkan program perbankan dan kewangan Islam.

Kerjasama yang erat antara institusi-institusi pendidikan dan latihan setakat ini telah mengukuhkan bidang pendidikan perbankan Islam, dan akhirnya menegakkan kesucian syariat dalam muamalat. Banyak yang perlu kita dilakukan pada masa hadapan. Pendidikan adalah cabaran dan kesempatan yang tiada sempadan. Dengan pembangunan Teknologi Kewangan Global 'FinTech', serta pembelajaran merentas sempadan, latihan kerjasama ini harus dimanfaatkan secara berterusan oleh setiap universiti yang mengambil bahagian. Pada masa akan datang tidak dapat tidak cabaran dan ketidakpastian untuk industri pasti ada. Adalah penting untuk terus bertahan dan komited kepada matlamat jangka panjang pendidikan yang kukuh, stabil dan dinamik sebagai sebahagian daripada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa berucap pada Persidangan Antarabangsa Universiti-Universiti ASEAN Mengenai Kewangan (AICIF) Ke-5 pada Rabu, 24 Rabiulawal 1439 Hijrah bersamaan 13 Disember 2017 Masihi, bertempat di Royal Berkshire, Jerudong Park and Polo Country Club.

**Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Apsah binti Haji Sahdan**

Dengan tema 'Isu, Cabaran Dan Prospek Masa Depan Perbankan Dan Kewangan Islam', kami percaya kertas kerja yang dipilih adalah progresif dan kontemporari. Dalam dua hari akan datang, sejumlah 130 kertas kerja akan dibentangkan oleh penceramah, ahli panel dan peserta, yang akan membincangkan dan membangkitkan isu-isu dalam pelbagai bidang termasuk :

- Perbankan dan Pasaran Modal Islam;
- Pematuhan dan Tadbir Urus Institusi Kewangan Islam;
- Wang, Sistem Bayaran dan Inovasi Kewangan;
- Takaful dan Pengurusan Risiko; dan
- Modal Insan dan Pendidikan

AICIF Ke-5 2017, juga akan menyaksikan Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara UNISSA dan rakan strategik antarabangsa - seperti Perbankan Islam dan Institut Kewangan Malaysia; Amanah Institute of Islamic Finance and Economics, Jerman; Mindanao State University, Filipina; Trisakti University Jakarta, Indonseia; dan Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Jogjakarta, Indonesia - untuk tujuan memperluaskan dan mengiktiraf program dan kursus yang ditawarkan di universiti-universiti tersebut. Satu lagi Penandatanganan MoU adalah antara Penganjur Bersama AICIF dan Penasihat Kewangan Islam Antarabangsa sebagai Sekretariat AICIF.

Kami menghargai persidangan ini dan saya ingin mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penganjur, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam UNISSA dan enam penganjur bersama dari Negara ASEAN; Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Jogjakarta, Indonesia; Universitas Islam Sultan Agung, Semarang, Indonesia; Universitas Darussalam Gontor, Indonesia; Mindanao State Universiti, Filipina; dan Universiti Fatoni Thailand; penganjur utama; Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Hotel Parkview; rakan strategik kami yang menyokong : Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), Pusat Perbankan, Kewangan dan Pengurusan Islam (CIBFM), Islamic Research Training Institute (IRTI) dan Amanah Institute of Islamic Finance and Economic, Jerman serta Sekretariat, International Council of Islamic Finance Educators (ICIFE).

Saya amat berbesar hati terhadap jawatankuasa penganjur, pelbagai rakan kongsi program dan agensi yang berkaitan, atas kerja keras, dedikasi dan sokongan mereka untuk acara ini. Penghargaan khusus kepada penceramah jemputan dan ahli panel yang sudi meluangkan masa dalam jadual mereka yang begitu padat untuk turut menyertai persidangan ini. *Jazakumullahu Khayr*. Semoga Allah memberkati usaha yang tidak pernah putus ini.

Sebagai penutup, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah yang berkenan hadir dan melancarkan persidangan ini.

Sekian, *Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Terima kasih, menjunjung anugeraha.

## Dari Sidang Pengarang

13 JANUARI 2018 BERSAMAAN 1439 ربيع الأخير 26

### REBUT GANJARAN PAHALA MEMBINA MASJID

**MASJID** merupakan rumah ibadah bagi umat Islam dalam mengerjakan solat dan majlis keagamaan serta pusat aktiviti sosial umat Islam. Di samping itu, masjid sebagai sebuah institusi ibadah sepatutnya berkembang sejajar dengan arus perkembangan zaman dan memainkan peranan di dalam kehidupan masyarakat Islam sebagai sebuah institusi membina kemajuan ummah.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis diriwayatkan oleh Al-Imam Muslim bermaksud, *"Dari Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : tempat yang paling disukai Allah di dalam sesuatu negerin itu ialah masjid-masjidnya."*

Berdasarkan hadis tersebut jelas bahawa masjid adalah tempat yang paling dicintai dan disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala, oleh yang demikian, sebagai umat Islam, kita hendaklah memberikan perhatian serius terhadap pemeliharaan dan pentakmiran masjid dengan berbagai-bagai aktiviti keilmuan dan lain-lain yang berfaedah dan bermanfaat kepada masyarakat.

Selain itu, terdapat ganjaran yang lebih besar berhubung perkara yang berkaitan dengan masjid iaitu membina masjid itu sendiri, sepertimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bermaskud, *"Dari Mahmud bin Labid, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : sesiapa yang membina masjid kerana Allah nescaya Allah akan membina baginya di dalam syurga (binaan) seumpamanya."*

Di negara ini, kita berpeluang untuk bertanam saham di akhirat kerana adanya penubuhan Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam, yang dihasratkan untuk menjadi wadah kekal bagi orang-orang Islam untuk menabung pahala melalui pembinaan masjid. Melalui Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam ini juga memberikan peluang kepada umat Islam di negara ini menginfakkan (membelanjakan) harta yang dimiliki dengan niat sebagai ibadah dan melipatgandakan amal kebajikan semata-mata bagi meraih ganjaran pahala yang dijanjikan Allah Subhanahu Wata'ala kepada orang-orang yang membina masjid.

Pada ketika ini, Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) Tabung Dana Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam telah dibukakan kepada orang ramai selama 45 hari, iaitu bermula dari 6 Disember 2017 lalu hingga 19 Januari 2018. Dengan adanya perkhidmatan ini, dihasratkan menjadi wadah kekal bagi orang Islam untuk menabung pahala. Hasil kutipan Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam tersebut akan digunakan bagi membina masjid baharu, membaik pulih dan menambah bagunan masjid serta keperluan yang berkaitan.

Alhamdulillah, dengan tabung tersebut juga, memberikan kita peluang untuk menikmati kesejahteraan dan kebahagiaan hidup dunia dan akhirat, apatah lagi bagi bekalan dan saham hidup di akhirat kelak. Oleh yang demikian, agama Islam amat menggalakkan kita untuk memperbanyakkan amalan bersedekah, hadiah, hibah (pemberian), wakaf dan sebagainya. Semoga dengan segala amalan yang kita lakukan akan menerima ganjaran pahala berlipat ganda dan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Ya Rabbalalamin! **- Ketua Penyuntingan (Rd).**

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | SABTU | AHAD | ISNIN |
|---|---|---|---|
| BANDAR SERI BEGAWAN | 31 / 25 °C | 32 / 25 °C | 31 / 24 °C |
| PEKAN BANGAR | 31 / 24 °C | 32 / 24 °C | 32 / 24 °C |
| PEKAN TUTONG | 31 / 24 °C | 30 / 24 °C | 30 / 24 °C |
| KUALA BELAIT | 31 / 24 °C | 31 / 25 °C | 31 / 24 °C |

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam
www.met.gov.bn
Talian Cuaca 114
Brunei WX App

## WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi JANUARI | HARI | Hijrah RABIULAKHIR | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 13 | SABTU | 26 | 5.00 | 5.10 | 6.33 | 6.57 | 12.30 | 3.52 | 6.25 | 7.38 |
| 14 | AHAD | 27 | 5.01 | 5.11 | 6.33 | 6.57 | 12.30 | 3.52 | 6.25 | 7.39 |
| 15 | ISNIN | 28 | 5.01 | 5.11 | 6.33 | 6.57 | 12.31 | 3.52 | 6.25 | 7.39 |
| 16 | SELASA | 29 | 5.02 | 5.12 | 6.34 | 6.57 | 12.31 | 3.53 | 6.26 | 7.40 |
| 17 | RABU | 30 | 5.02 | 5.12 | 6.34 | 6.58 | 12.31 | 3.53 | 6.26 | 7.40 |
| 18 | KHAMIS | 1 JAMADILAWAL | 5.02 | 5.12 | 6.34 | 6.58 | 12.32 | 3.53 | 6.27 | 7.40 |
| 19 | JUMAAT | 2 | 5.03 | 5.13 | 6.35 | 6.58 | 12.32 | 3.54 | 6.27 | 7.40 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## TALIAN KECEMASAN

AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998
(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, JABATAN PENGANGKUTAN DARAT, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123
NDMC 2380214

# Berangkat menyaksikan pementasan ISB




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah berkenan bergambar ramai ketika berangkat pada malam pembukaan Produksi Pementasan Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB).

**Dari muka 1**

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dijunjung oleh Pengerusi Lembaga ISB, Awang Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dan Pengetua ISB, Dr. Steven Paul Geraghty.

Berangkat sama ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Produksi Pementasan tahunan bertemakan 'ISB Will Rock You' yang diadaptasi dari Teater Muzikal We Will Rock You, versi Sir Ben Elton itu turut disertai paduka anakanda Kebawah DYMM, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.

Selesai sesi pertama pementasan tersebut, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan berangkat ke Majlis Santap dan seterusnya menyaksikan sesi kedua pementasan berkenaan.

Sebaik saja acara tamat, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri kemudian berkenan menerima junjung ziarah daripada para peserta pementasan dan seterusnya berkenan menerima pesambah daripada ISB.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri kemudian berkenan bergambar ramai bersama para peserta dan ahli jawatankuasa yang terlibat dalam pementasan berkenaan.

Pementasan tersebut berfungsi sebagai platform untuk para pelajar mempamerkan bakat dan kreativiti mereka.

Muzikal tersebut menceritakan tentang kehidupan pada masa depan di mana semua orang akan hidup dengan pemikiran yang sama, menggunakan fikiran yang sama dan melalui kehidupan dalam keadaan tanpa memikirkan dan mendengar *gaga-music* yang dikuasai oleh sebuah syarikat bernama Globalsoft.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berbual mesra bersama YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berbual mesra bersama para peserta dan ahli jawatankuasa yang terlibat dalam pementasan tersebut.




YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah berangkat menyertai Produksi Pementasan tahunan bertemakan 'ISB Will Rock You' yang diadaptasi dari Teater Muzikal We Will Rock You, versi Sir Ben Elton.

# Berangkat ke Majlis Membaca Yaa Siin dan Bertahlil





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenan menjirus *aying asah-asahan* ke makam nenda Duli Yang Teramat Mulia, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ketika berangkat ke Majlis Membaca Yaa Siin dan Bertahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit di Kubah Makam Diraja.

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 11 Januari. - Bersempena dengan Ulang Tahun Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) Ke-25, sehubungan itu YSHHB mengadakan Majlis Membaca Yaa Siin dan Bertahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit di Kubah Makam Diraja, di sini.

Berkenan berangkat ke majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB.

Keberangkatan tiba DYTM dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Timbalan Pengerusi I Lembaga Pengarah YSHHB.

Juga hadir, Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Lembaga Pemegang Amanah DANA Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim, para pegawai dan kakitangan YSHHB, guru-guru sekolah serta penduduk Rancangan Perumahan Kampung Bolkiah 'A' dan Kampung Bolkiah 'B'.

Pada majlis tersebut, bacaan Tahlil dipimpin oleh Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Pada majlis itu, DYTM juga berkenan menjirus *aying asah-asahan* ke makam Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.



HAKIM Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin semasa memimpin bacaan Tahlil (kiri).

# Doa Kesyukuran raikan penubuhan YSHHB Ke-25



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenan berangkat menghadiri Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Penubuhan YSHHB Ke-25 Tahun di Dewan Serbaguna, Kompleks Bangunan YSHHB.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 10 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenan berangkat menghadiri Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Penubuhan YSHHB Ke-25 Tahun yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Bangunan YSHHB, di sini.

Menjunjung keberangkatan tiba DYTM ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib berjemaah diimamkan oleh Ketua Hakim Syar'ie, Mahkamah Syariah, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dan bacaan Doa Kesyukuran sempena 25 Tahun Penubuhan YSHHB dan seterusnya Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Juga hadir pada majlis tersebut, Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB, Pengerusi Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim; pegawai-pegawai dan kakitangan YSHHB; serta guru-guru Sekolah YSHHB.

YSHHB ditubuhkan atas titah perkenan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 5 Oktober 1992 sempena Sambutan Jubli Perak Kebawah DYMM Menaiki Takhta.

Penubuhan YSHHB adalah sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan keluarga diraja baginda, iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda serta menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.



SEMBAHYANG Fardu Maghrib Berjemaah diimamkan oleh Ketua Hakim Syar'ie, Mahkamah Syariah, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

# Sedia mendengar, menerima pendapat orang awam

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 10 Januari. - Lembaga-Lembaga Bandaran mestilah bersedia untuk mendengar dan menerima idea-idea, keluhan dan aduan orang awam bagi menjaga kesejahteraan mereka serta mengadakan perundingan dan membincangkan *cross-cutting issues* yang melibatkan agensi-agensi kerajaan untuk diberikan perhatian dan tindakan penyelesaian.



**MENTERI** Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa Sesi Muzakarah dan Perjumpaan berkenaan.

"Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi *whole nation approach*," tekan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa Sesi Muzakarah dan Perjumpaan bersama dengan Pengerusi-pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria dan Lembaga Bandaran Tutong bagi Tahun 2017 hingga 2019 yang berlangsung di Bilik Mesyuarat, Bangunan Baharu Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Justeru, lantikan tersebut menurut Yang Berhormat, merupakan suatu pengiktirafan di atas kewibawaan Ahli-ahli Lembaga Bandaran dalam bidang masing-masing dan beliau berharap pengetahuan, pengalaman dan pandangan jauh mereka dapat memberikan sumbangan yang berharga dan positif kepada Lembaga Bandaran masing-masing.

Yang Berhormat juga menyatakan, lantikan itu adalah suatu amanah yang perlu dipikul dengan penuh tanggungjawab.

Bandar Seri Begawan telah menjadi tarikan rakyat dan penduduk di negara ini termasuk juga para pelancong dari luar negeri yang berbangga dapat berada di negara ini untuk sama-sama menyaksikan program yang telah disusun atur semasa Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darusalam Menaiki Takhta.

Infrastruktur baharu itu jelasnya, merupakan tambahan kepada infrastruktur-infrastruktur perhubungan, rekreasi dan riadah yang sedia ada di bawah kawasan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan.

Dalam hubungan tersebut, adalah menjadi tanggungjawab rakyat dan penduduk negara untuk sama-sama menjaga, memelihara dan membisaikan Taman Mahkota Jubli Emas dan Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha yang merupakan satu pelaburan besar untuk rakyat dan penduduk negara ini.

"Kita juga menghargai akan inisiatif Jawatankuasa Kebangsaan Menangani Isu Kebersihan dan agensi-agensi kerajaan dan swasta yang sama-sama menyumbang dalam memberikan kesedaran (*awareness*) kepada orang ramai mengenai pentingnya menjaga dan memelihara kebersihan di negara ini," ujarnya.

Jelasnya, pencapaian tersebut adalah pencetus semangat atau pemangkin kepada Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan secara khususnya dan Lembaga-Lembaga Bandaran yang lainnya untuk mengekalkan kemampanan dan kedayasaingan kawasan Lembaga Bandaran masing-masing.

Oleh itu, Yang Berhormat berharap sumbangan dan penglibatan Lembaga Bandaran akan terus dipertingkatkan dengan lebih komited, lebih berdedikasi dengan pemikiran-pemikiran yang lebih kreatif, berinisiatif dan substantif serta boleh melihat dan seterusnya merancang pembaharuan-pembaharuan yang realistik dengan hasrat untuk mewujudkan pembangunan perbandaran yang mampan.

Lembaga Bandaran tegasnya, perlulah memikirkan perkembangan sosioekonomi bandar dengan menyediakan perkhidmatan, kemudahan dan infrastruktur yang berkualiti tinggi, teratur dan efisien.

Selaras dengan itu, Yang Berhormat menyarankan agar para Ahli Lembaga Bandaran akan dapat meneliti peraturan-peraturan yang sedia ada sama ada perlu diselaraskan dengan keperluan masa.



**SUASANA** Sesi Muzakarah dan Perjumpaan bersama dengan Pengerusi-pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria dan Lembaga Bandaran Tutong bagi Tahun 2017 hingga 2019 yang berlangsung di Bilik Mesyuarat, Bangunan Baharu Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

# Pastikan bandar daya tarikan perkembangan ekonomi

Dari muka 1

Yang Berhormat menegaskan perkara tersebut semasa Sesi Muzakarah dan Perjumpaan bersama dengan Pengerusi-Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria dan Lembaga Bandaran Tutong bagi Tahun 2017 hingga 2019 yang berlangsung di Bilik Mesyuarat, Bangunan Baharu Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat menjelaskan, harapan tinggi kepada para pengerusi serta Ahli Lembaga Bandaran untuk sama-sama memikirkan akan rancangan-rancangan yang boleh mengubah wajah Lembaga Bandaran.

Ini jelas beliau, termasuklah menjadikan Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria serta Tutong sebagai pusat bandar yang *vibrant,* ceria, bersih dan dapat menarik pengunjung-pengunjung dan membantu menjana perkembangan ekonomi, sekurang-kurangnya bagi pengusaha mikro, kecil dan sederhana.

Dalam pada itu, Yang Berhormat menekankan di antara kriteria menilai status pusat bandar ialah kebersihan.

"Oleh itu, perlulah difahami bahawa adalah menjadi tanggungjawab semua yang berkenaan, iaitu pemilik bangunan, pusat komersial, bengkel-bengkel, kedai-kedai dan gerai-gerai perniagaan untuk memastikan kawasan masing-masing adalah bersih," tegasnya.

Seterusnya beliau turut mengongsikan mengenai pencapaian Bandar Seri Begawan di peringkat antarabangsa yang mana Bandar Seri Begawan berada di tangga 100 dalam 'Global Ranking of Most Liveable Cities' dan 'Southeast Asia's Third Most Liveable City' selepas Singapura dan Kuala Lumpur. Kajian tersebut dibuat oleh Economist Intelligence Unit (EIU).

Terdahulu, Sesi Muzakarah tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh Ketua Guru Ugama, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Awang Haji Adanan bin Haji Ahmad.

Sesi Muzakarah dan perjumpaan tersebut bertujuan untuk beramah mesra dengan para Pengerusi Lembaga Bandaran serta para ahli yang telah dilantik atas kurnia perkenaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi Tahun 2017 hingga 2019.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, KHEDN, Awang Mohammad Sunadi bin Haji Buntar, Awang Ajman bin Haji Meludin serta ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

# Aspek ugama diterapkan di awal pendidikan



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, selaku Pengerusi Majlis semasa Sesi Muzakarah di antara Kementerian Pendidikan dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 10 Januari. - Dalam keghairahan Kementerian Pendidikan membangunkan sumber tenaga manusia yang berpendidikan, penerapan dari aspek ugama serta nilai-nilai hidup dari awal pendidikan hingga ke peringkat pengajian tinggi mestilah dilaksanakan.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, selaku Pengerusi Majlis menyatakan perkara itu pada Sesi Muzakarah antara Kementerian Pendidikan dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bertempat di Bilik Mesyuarat, Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Kampung Sungai Akar, di sini.

Yang Berhormat menjelaskan, Kementerian Pendidikan memainkan peranan yang kritikal dalam menggapai matlamat 'Brunei Maju' sebagaimana juga hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di dalam titah baginda bersempena menyambut Awal Tahun Baharu Masihi 2018.

Tambahnya, adalah menjadi impian bagi kita melahirkan modal insan atau pemimpin yang cemerlang dan memiliki sifat-sifat kerohanian dan calak-calak Kebruneian.

Oleh itu terang Yang Berhormat, penerapan dan pengukuhan pendidikan ugama dan Melayu Islam Beraja dalam kalangan pelajar-pelajar di semua peringkat akan terus diberi keutamaan oleh Kementerian Pendidikan.

Terdahulu, Yang Berhormat menjelaskan, dalam usaha Kementerian Pendidikan meningkatkan kualiti pendidikan di semua peringkat, iaitu rendah, menengah, pasca-menengah, pendidikan teknikal dan vokasional serta pengajian tinggi, beberapa strategi telah disediakan demi melahirkan modal insan yang berilmu, berkemahiran dan bertamadun yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara selaras dengan visi dan misi Kementerian Pendidikan.

# Giat tingkatkan kualiti pendidikan negara



KEMENTERIAN Pendidikan mengadakan Sesi Muzakarah bersama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bertempat di Bilik Mesyuarat, Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Kampung Sungai Akar.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 10 Januari. - Kementerian Pendidikan mengadakan Sesi Muzakarah bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bertempat di Bilik Mesyuarat, Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Kampung Sungai Akar, di sini.

Permuzakarahan bersama Kementerian Pendidikan yang merupakan acara tahunan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, Jabatan Perdana Menteri bersama kementerian-kementerian dan agensi-agensi berkepentingan itu dihadiri oleh seramai 18 Ahli-ahli MMN yang diketuai oleh Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman.

Mempengerusikan majlis tersebut yang berlangsung di Bilik Mesyuarat, Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Kampung Sungai Akar, di sini ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Juga hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, selaku Timbalan Pengerusi Majlis.

Sesi Muzakarah itu dimulakan dengan ucapan alu-aluan Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang menyentuh mengenai usaha-usaha kementeriannya dalam meningkatkan kualiti pendidikan di negara ini.

Ini meliputi usaha-usaha yang diungkayahkan seperti meningkatkan kemahiran guru, peningkatan tahap literasi dan numerasi serta tindakan awal intervensi ke atas pelajar-pelajar, peningkatan kepimpinan pengetua dan guru besar.

Sementara itu, Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty dalam ucapan balasnya antara lain menjelaskan, salah satu program yang giat dilaksanakan ialah *Literacy and Numeracy Coaching Program* (LNCP) di mana ia bertujuan untuk melahirkan *Local Coaches* yang terdiri dari guru-guru tempatan.

Yang Berhormat menjelaskan, adalah diharapkan usaha dan inisiatif seperti itu akan terus dijalankan dan diperbaiki dari masa ke semasa selaras dengan harapan Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk memastikan kementerian berkenaan melaksanakan perancangan-perancangan yang *actionable*, *realistic* dan *cost-effective* dalam mengambil pendekatan *delivery approach* untuk mencapai hasil yang dihasratkan.

Majlis Muzakarah diikuti dengan sesi taklimat mengenai *International Coaches* yang disampaikan oleh Ketua LNCP, Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Permuzakarahan seterusnya diikuti dengan sesi dialog di antara Ahli-ahli MMN dan pihak Kementerian Pendidikan.

Dialog yang diadakan dalam suasana silaturahim dan secara terbuka bagi perkongsian maklumat, isu dan cadangan sudah setentunya akan memberi manfaat kepada Kementerian Pendidikan dalam usahanya meningkatkan lagi kualiti pendidikan di negara ini.

# Pendaftaran Peperiksaan LCCI, April 2018 dibukakan

Siaran Akhbar :
Kementerian Pendidikan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 10 Januari. - Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan akan membukakan pendaftaran peperiksaan London Chamber of Commerce and Industry (LCCI) bagi April 2018 bermula Sabtu 13 hingga 27 Januari 2018.

Borang-borang pendaftaran dan keterangan lanjut yang berkaitan dengan pendaftaran bolehlah diperoleh dari Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan semasa waktu pejabat dibuka.

Borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dikembalikan kepada Jabatan Peperiksaan tidak lewat Sabtu, 27 Januari 2018.

Jabatan Peperiksaan hanya akan menerima borang pendaftaran yang telah dilengkapkan pada setiap Isnin hingga Khamis di sebelah pagi mulai jam 8.00 hingga 11.00 pagi dan di sebelah petang mulai jam 1.30 hingga 3.00 petang sementara Sabtu, mulai jam 8.00 hingga 10.00 pagi semasa hari berkerja.

# Konsep *non-postal services* diperkenalkan





MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat semasa membuat lawatan kerja ke Pejabat Pos Cawangan Mumong, Jalan Dipa Negara (kiri). Sementara gambar kanan, kakitangan pejabat pos tersebut ketika melayan pelanggan yang memerlukan perkhidmatan pos.

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi

**KUALA BELAIT**, Khamis, 11 Januari. - Para peniaga dan syarikat-syarikat yang beroperasi di negara ini kini mempunyai pilihan yang kompetitif bagi menjalankan aktiviti perniagaan secara fizikal dengan adanya ruang-ruang perniagaan yang dibukakan secara sewaan terletak di Pejabat Pos Cawangan Mumong, Jalan Dipa Negara, di sini.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat berucap demikian semasa membuat lawatan kerja ke cawangan pejabat pos tersebut.

Menurut Yang Berhormat lagi, hala tuju Jabatan Perkhidmatan Pos akan terus ditingkatkan dan dipelbagaikan ke arah mewujudkan suasana berorientasikan perniagaan *(business oriented)* dan tidak hanya menyampaikan perkhidmatan sahaja.

Transformasi sedemikian tambahnya, adalah penting dalam mempelbagaikan kegiatannya kepada *non-postal services* yang bertujuan menggalakkan aktiviti-aktiviti perekonomian dengan prasarana yang sedia ada.

Dalam pada itu, sebanyak 16 ruang merangkumi keluasan keseluruhan 20,770.31 kaki persegi disediakan bagi para peniaga dan syarikat-syarikat yang berhasrat untuk menjalankan aktiviti perniagaan mereka.

Menurut Pengawal Pos, Awang Hazwan Fitri bin Hassan semasa memberikan penerangan mengenai perkhidmatan-perkhidmatan bukan pos yang dicadangkan di ruang-ruang yang disediakan ialah ruang pejabat, bilik mesyuarat, ruang penyimpanan, ruang pameran dan penjualan serta banyak lagi.

Orang ramai yang berhasrat untuk mendapatkan maklumat lanjut boleh menghubungi talian +673 2220424 atau menerusi e-mel di alamat *tender.inquiry@post.gov.bn*.

Pejabat Pos Cawangan Mumong, Kuala Belait telah siap dibina pada 2015 melalui Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 dan telah mengendalikan perkhidmatan Kaunter Pembelian Setem, Penghantaran dan Penerimaan Mel dan Bungkusan.

Turut menyertai lawatan kerja Yang Berhormat ialah Setiausaha Tetap, Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, Dr. Haji Supry bin Haji Awang Ladi dan para pegawai kanan Kementerian Perhubungan dan Jabatan Perkhidmatan Pos.




BANGUNAN Pejabat Pos Cawangan Mumong, Jalan Dipa Negara, Kuala Belait yang akan terus ditingkatkan dan dipelbagaikan.

# Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Penubuhan TAP Ke-25



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Tabung Amanah Pekerja (TAP) (enam, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Sunat Hajat sempena Ulang Tahun Penubuhan Ke-25, TAP.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 11 Januari. - Sempena Ulang Tahun Penubuhan Ke-25, Tabung Amanah Pekerja (TAP) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Sunat Hajat bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah TAP.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diikuti Sembahyang Sunat Hajat dan membaca Surah Yaa Siin dan diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran beramai-ramai.

Juga hadir, Ahli-ahli Lembaga TAP, ahli-ahli panel pelaburan, komiti audit dan pegawai-pegawai serta kakitangan TAP.

# Amalkan pengurusan kewangan berkesan

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat (tiga, kiri) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Taklimat Pengurusan Kewangan (Procurement) dan Integriti yang diadakan di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Perhubungan, Berakas.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 10 Januari. - Ke arah komitmen yang berterusan, Kementerian Perhubungan menanamkan kesedaran dalam kalangan para pegawai dan kakitangannya dalam memastikan pelaksanaan setiap projek jabatan sentiasa mengamalkan pengurusan kewangan yang telus, cekap, akauntabiliti dan berkesan menurut peraturan dan prosedur kewangan yang dikuatkuasakan oleh kerajaan.

Justeru, satu Taklimat Pengurusan Kewangan (Procurement) dan Integriti diadakan di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Perhubungan, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada sesi taklimat tersebut ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat.

Mewakili Lembaga Tawaran Negara (LTN) dan menyampaikan taklimat pada sesi tersebut ialah Pemangku Setiausaha LTN, Dayang Nurul Izzah binti Haji Abdul Kahar, manakala mewakili Jabatan Biro Mencegah Rasuah (BMR) ialah Pemangku Penolong Pengarah BMR, Awang Muhammad Firdaus bin Abdullah Chong.

Taklimat yang merupakan program *refresher course* itu dihadiri oleh lebih 100 pegawai dan kakitangan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang berakhir dengan sesi soal jawab.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dr. Awang Haji Supry bin Haji Awang Ladi; pengarah-pengarah bahagian serta ketua-ketua jabatan di kementerian berkenaan.

Dengan adanya taklimat berkenaan diharap akan dapat memberikan kesedaran mengenai bahaya dan risiko rasuah serta memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan kerajaan sentiasa dipercaya dan cemerlang serta mempunyai tahap integriti yang tinggi.





PEMANGKU Setiausaha Lembaga Tawaran Negara, Dayang Nurul Izzah binti Haji Abdul Kahar (kiri) dan Pemangku Penolong Pengarah Biro Mencegah Rasuah, Awang Muhammad Firdaus bin Abdullah Chong (kanan) semasa menyampaikan taklimat.

# BND11.56 bilion sekuriti Sukuk Al-Ijarah dikeluarkan

Siaran Akhbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 12 Januari. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) selaku ejen kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mengurus serta mentadbir Pengeluaran Sukuk Al-Ijarah mengumumkan Kejayaan Harga Pengeluaran bagi Sekuriti Sukuk Al-Ijarah Jangka Pendek Ke-153.

Jumlah pengeluaran sukuk sebanyak berjumlah BND100 juta adalah seperti berikut dengan pengeluaran tersebut, kerajaan Brunei setakat ini mengeluarkan lebih BND11.56 bilion nilai sekuriti Sukuk Al-Ijarah jangka pendek, sejak tawaran pertamanya pada 6 April 2006 dan baki tertunggak pegangan jumlah Sukuk Kerajaan Brunei sehingga 11 Januari 2018 berjumlah BND432.4 juta.

# Jadikan setiap bandar sebagai tarikan pelancong

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 10 Januari. - Pihak Lembaga Daerah Tutong mencadangkan untuk membuat pembesaran kawasan lingkungan bandaran daerah tersebut serta melihat infrastruktur dalam meningkatkan ekonomi khusus bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan peniaga-peniaga Melayu.

Ahli Lembaga Bandaran Daerah Tutong, Leftenan Kolonel (B) Haji Abas bin Haji Bagol mengongsikan perancangan tersebut ketika ditemui Pelita Brunei pada Sesi Muzakarah dan Perjumpaan bersama dengan Pengerusi-pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria serta Lembaga Bandaran Tutong bagi Tahun 2017 hingga 2019 di Bilik Mesyuarat, Bangunan Baharu Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Beliau turut melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana kemajuan-kemajuan yang telah dirancangkan oleh Ahli Lembaga Daerah tersebut berjalan dengan baik.

"Apa yang difokuskan, yang utama demi kemajuan yang ada sekarang ini, membaik pulih apa yang sudah ada, kemajuan umpamanya, kepentingan orang-orang ramai khasnya peniaga-peniaga tempatan kita khasnya Daerah Tutong serta melihat kebersihan," tambahnya.

Menurut Ahli Lembaga Bandaran Daerah Belait dan Seria, Shaikh Khalid bin Shaikh Haji Ahmad pada tahun 2017, beberapa strategi *Key Performance Indicator* telah dirancang dan baru-baru ini, Ahli Lembaga Daerah tersebut mengungkayahkan Taman Riadah yang diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk menjadikan X-25 sebagai Taman Riadah Jubli Emas Kuala Belait.

Shaikh Khalid seterusnya melahirkan harapan agar dengan pelantikan ahli baharu bersama pihak swasta, akan dapat bersama-sama mengungkayahkan lagi pelan strategik dalam memajukan dan menceriakan lagi daerah berkenaan agar lebih *vibrant* serta menarik para pelancong datang dan singgah ke Kuala Belait.

Ahli Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab berkata, pihak-pihak swasta, korporat dan persendirian mempunyai tanggungjawab bersama-sama dalam membantu kerajaan untuk membangunkan negara.

"Kita mesti melihat perkembangan tersebut mengikut citarasa kitani, iaitu tidak bertentangan dengan nilai-nilai Melayu Islam Beraja dalam semua perancangan yang diambil," tegasnya.

Beliau berpendapat bahawa Bandar Seri Begawan adalah sebagai warisan yang perlu dikemas kini, dinilai dan diperbandingkan dengan perkembangan di luar negeri.



AHLI Lembaga Bandaran Daerah Tutong, Leftenan Kolonel (B) Haji Abas bin Haji Bagol.



AHLI Lembaga Bandaran Daerah Belait dan Seria, Shaikh Khalid bin Shaikh Haji Ahmad.



AHLI Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab.

# Pemangku Menteri HEU tinjau Ma'had Islam Brunei

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah**

**TUTONG**, Khamis, 11 Januari. - Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud meneruskan siri lawatannya ke Ma'had Islam Brunei.

Semasa lawatan tersebut, Yang Mulia dan rombongan berkesempatan membuat tinjauan ke bilik-bilik darjah Tahun 6 dan 7 sambil beramah mesra dengan para pelajar.

Ma'had Islam Brunei mempunyai seramai 69 tenaga pengajar dan 456 pelajar dari Tahun 5, 6, 7, 8, 9, 10 dan Tahun 11.

Sekolah tersebut juga mencapai beberapa kecemerlangan yang membanggakan dari segi akedemik pada tahun 2017, yang mana sekolah mencapai 100 peratus lulus dalam Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) dan bagi Peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) mencapai 88 peratus lulus.

Dalam aspek kokurikulum pula, Ma'had Islam Brunei juga banyak mencapai kejayaan, antaranya Pertandingan The Crown Prince Cipta Awards anjuran Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Amp BLNG Kategori 3 mendapat tempat keempat juga Kategori Smart Junior pula mendapat tempat kelima.

Ma'had Islam Brunei menyandang naib juara Pertandingan Lagu Dakwah Sekolah-sekolah Menengah Senegara, selain Perlawanan Menembak Simulator Pasukan Kadet Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bagi Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara muncul johan bagi Keseluruhan Berpasukan dan Berpasukan Lelaki dan menyandang naib johan Menjatuhkan Piring Besi Lelaki.

Ma'had Islam Brunei juga menyertai Kejohanan Bola Jaring Sekolah-sekolah Rendah Negara Brunei Darussalam dan menjadi johan bagi Kejohanan Bola Jaring Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Kluster 5 dalam Kategori 'B'.

Sekolah berkenaan mendapat tempat keempat dalam Pertandingan Kejohanan Sepak Takraw Sekolah-sekolah Menengah, Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan Kategori Bawah Umur 15 Tahun dan meraih johan dan Kategori Bawah Umur 18 mendapat tempat ketiga.

Kemudian Ma'had Islam Brunei juga giat membuat Program Intervensi dalam pengukuhan bahasa Arab terhadap pelajar-pelajar berbentuk pembelajaran secara khusus yang diadakan setiap Isnin hingga Khamis, dari jam 12.35 tengah hari hingga 1.15 petang, iaitu kemahiran komunikasi dalam bahasa Arab untuk mendidik pelajar dan guru mahir serta menguasai bahasa Arab dengan sebaiknya.



PEMANGKU Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud meneruskan siri lawatannya ke Ma'had Islam Brunei di Daerah Tutong.

# Seramai 4,081 pelajar bersekolah ugama di Tutong

**TUTONG**, Khamis, 11 Januari. - Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud meneruskan siri lawatannya pada sesi petang ke Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain (SU PAP Norain).

Sekolah tersebut mempunyai seramai 28 guru dan 383 pelajar dari Darjah Pra hingga Darjah VI.

SU PAP Norain mencapai beberapa kecemerlangan yang membanggakan dari segi kurikulum, yang mana pada tahun 2017, sekolah tersebut mencapai 100 peratus lulus dalam Peperiksaan Sijil Sekolah-sekolah Rendah Ugama.

Jumlah keseluruhan murid-murid yang bersekolah ugama di Daerah Tutong adalah seramai 4,081 pelajar dan keramaian tenaga pengajar adalah seramai 333 guru.

Turut menyertai rombongan ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang dan Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Haji Roslan bin Haji Taja'ah.



PEMANGKU Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud semasa melawat Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain, Tutong.

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah**

# Gaji pertama skim rintis, 13 Januari 2018

**Oleh : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 11 Januari. - Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Kementerian Kewangan serta jabatan-jabatan di bawahnya akan mula menerima gaji pertama pada 13 Januari 2018 bagi inisiatif pembayaran gaji dua kali sebulan yang diperkenalkan secara rintis bermula tahun ini.

Rasional pembayaran gaji dua kali sebulan adalah bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan aliran tunai pegawai dan kakitangan untuk membiayai keperluan harian, memudahkan perancangan perbelanjaan dan membantu kelangsungan aktiviti komersial dan perekonomian dalam negara dan seterusnya menjadikan ekonomi domestik lebih berdaya tahan.

Ke arah membarigakan maklumat mengenainya beberapa siri taklimat telah diadakan khusus bagi mereka yang terlibat.

Sebanyak 13 sesi taklimat telah diadakan meliputi jabatan-jabatan di JPM dan Kementerian Kewangan.

Semasa ditemu bual Pelita Brunei pada 4 Januari yang lalu, Setiausaha Tetap (Prestasi) Kementerian Kewangan, Dayang Norliah binti Haji Kula menjelaskan bahawa bagi peringkat permulaan ini, projek pembayaran gaji dua kali sebulan ini untuk dilaksanakan secara rintis kepada dua kementerian sahaja, iaitu JPM dan Kementerian Kewangan.

Ini jelasnya, bagi membolehkan Jabatan Perbendaharaan menilai dan meneliti maklum balas yang diperoleh daripada pelaksanaan program ini sebelum menimbangkan untuk melaratkannya ke agensi lain.

Tambahnya, memandangkan Sistem Gaji Berkomputer dan Sistem Gaji Hari adalah di bawah kawalan Jabatan Perbendaharaan maka pelaksanaan rintis di Kementerian Kewangan akan memudahkan Jabatan Perbendaharaan untuk mendapatkan maklum balas segera dari pegawai dan kakitangan yang terlibat.

Beliau turut menyeru dan mengalu-alukan agar orang ramai, khususnya para pegawai dan kakitangan yang terlibat untuk menghubungi Kementerian Kewangan bagi memperoleh maklumat lebih lanjut dengan melayari laman sesawang Kementerian Kewangan di *www.mof.gov.bn* atau menghubungi terus melalui talian +673 2383444 semasa waktu pejabat.

Sementara itu, warga Perkhidmatan Awam semasa ditemui Awang Yaakub bin Haji Mat Yassin menyahut baik inisiatif tersebut, di mana gaji akan lebih awal diterima oleh setiap penjawat dan berlainan pula dengan kebiasaannya, iaitu setiap hujung bulan.

Manakala bagi Awang Haji Narip bin Haji Bostan pula, inisiatif sedemikian sudah pasti akan menambah keceriaan suasana gedung perniagaan di negara ini menjelang pertengahan bulan dan dalam sama-sama menyokong para pengusaha tempatan juga meningkatkan perekonomian domestik, sekali gus kesesakan di gedung-gedung perniagaan akan berkurangan menjelang minggu keempat setiap bulan.

# Brunei - Thailand tingkatkan persefahaman budaya



PENGARAH Chiang Mai College of Dramatic Arts, Dr. Kasama Prasong Charoen mengepalai tarian Ram Wong Loy Krathong sebagai salah satu aktiviti Program Pertukaran Kebudayaan bersama Sekolah Menengah Sufri Bolkiah.

**Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**TUTONG**, Khamis, 11 Januari. - Bagi mempromosikan pertukaran dan kerjasama akademik dari segi maklumat akademik, bahan, aktiviti kebudayaan, rancangan pertukaran jangka pendek dan pertukaran kemudahan, Chiang Mai College of Dramatic Arts (CDACM), Thailand mengadakan Program Pertukaran Kebudayaan bersama Sekolah Menengah Sufri Bolkiah (SM SB), di sini.

Program Pertukaran Kebudayaan Negara Brunei Darussalam - Thailand tersebut bertujuan untuk memperkenalkan dan mewujudkan persefahaman dan kesedaran mengenai kesamaan budaya dan perbezaan di antara kedua-dua buah negara.

Dalam ucapan alu-aluan Pengetua SM SB, Goh Siah Ching amat berbesar hati dengan peluang yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan menjadikan sekolah tersebut sebagai *sister school* CDACM untuk program berkembar bersama sesebuah institusi dari Thailand buat kali pertama.

"SM SB dan Chiang Mai College akan merancang dan mentadbir pelan pertukaran pelajar supaya kedua-dua institusi akan mendapat manfaat daripada program ini," tambahnya.

CDACM merupakan salah satu daripada 12 kolej seni dramatik di Thailand di bawah Kementerian Kebudayaan yang menyediakan pendidikan dari peringkat menengah hingga sarjana muda.

Delegasi CDACM sebelum ini telah mengadakan beberapa lawatan dan mengendalikan bengkel kebudayaan ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Sekolah St. George's di ibu negara; bertukar dan berkongsi maklumat bersama Kelab Kebudayaan Universiti Brunei Darussalam dan juga mengadakan pertukaran kebudayaan bersama Persatuan BERSATU (Alumni Peserta Kapal Belia) di Pusat Belia.

# Sekolah Arab Temburong, Sekolah Ugama Bokok dilawat

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**TEMBURONG,** Rabu, 10 Januari. - Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud mengadakan siri lawatan ke Sekolah Arab Temburong dan ke Sekolah Ugama Bokok.

Lawatan kerja pada sebelah pagi dimulakan dengan lawatan ke Sekolah Arab Temburong.

Sejurus tiba di sekolah berkenaan, Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dan rombongan dialu-alukan oleh Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajijah binti Haji Moktal; Guru Besar Sekolah Arab Temburong, Awang Morsidi bin Haji Tuah; pegawai-pegawai kanan Jabatan Pengajian Islam (JPI) serta guru-guru dan kakitangan sekolah berkenaan.

Yang Mulia berkesempatan membuat tinjauan ke bilik-bilik Darjah Sanah 5, 6, 7 dan 8 sambil beramah mesra dengan pelajar-pelajar.

Keramaian tenaga pengajar ialah seramai 18 guru dan 91 pelajar dari Tahun 5, 6 ,7 dan Tahun 8.

Sekolah Arab Temburong telah mencapai beberapa kecemerlangan yang membanggakan dan telah mencapai 100 peratus lulus dalam Penilaian Sekolah Rendah.

Pada sebelah petang, Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama mengakhiri lawatan kerja ke Sekolah Ugama Bokok.

Ketibaan Yang Mulia dan rombongan dialu-alukan oleh Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajijah; Guru Besar Sekolah Ugama Bokok, Awang Norali bin Haji Ahad; pegawai-pegawai kanan JPI serta guru-guru dan kakitangan sekolah berkenaan.

Yang Mulia telah berkesempatan membuat tinjauan ke bilik-bilik Darjah Pra (Blok B), Kelas Unit Pendidikan Khas Ugama (Blok B) dan Kelas Darjah I dan II (Blok C).

Keramaian tenaga pengajar ialah seramai 18 guru dan 245 pelajar dari Darjah Pra hingga Darjah VI.

Sekolah Ugama Bokok telah mencapai kejayaan yang membanggakan dengan mencapai 89.19 peratus lulus dalam Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Ugama Darjah VI.

Kemasukan murid Darjah Pra bagi Daerah Temburong pada tahun ini dianggarkan seramai 124 orang, iaitu 79 murid lelaki dan 45 murid perempuan termasuk dua murid bukan Islam.

Terdahulu, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama turut sama hadir ke acara Tazkirah Subuh yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Mohammad Eldie bin Haji Suhaili di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Turut hadir semasa lawatan berkenaan ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Roslan bin Haji Taja'ah.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud ketika mengadakan lawatan ke salah sebuah bilik darjah.

# Syarikat tempatan sertai pengagihan jaket keselamatan



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dr. Awang Haji Supry bin Haji Awang Ladi (tengah) semasa hadir pada Majlis Penyerahan Jaket Keselamatan (Life Jacket) Terpakai yang diadakan di Jeti Penurunan Penumpang, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 12 Januari. - Dalam sama-sama berusaha meningkatkan keselamatan semasa berada di atas perahu-perahu tambang, Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam telah mengadakan Majlis Penyerahan Jaket Keselamatan (Life Jacket) Terpakai yang diadakan di Jeti Penurunan Penumpang, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Sebanyak 40 unit Jaket Keselamatan (Life Jacket) Terpakai sumbangan Syarikat Mashhor General Contractor Sendirian Berhad telah diserahkan kepada 20 operator perahu tambang.

Penyerahan jaket berkenaan disempurnakan oleh Port Master Interim, Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam, Kapten Basza Alexander bin Haji Basri.

Hadir menyaksikan penyerahan jaket keselamatan tersebut ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dr. Awang Haji Supry bin Haji Awang Ladi.

Dr. Awang Haji Supry dalam ucapannya turut mengingatkan kepada operator perahu-perahu tambang akan peri mustahaknya bagi mereka menggunakan jaket keselamatan selaku *role model* kepada para penumpang dalam sama-sama menyampaikan mesej kesedaran keselamatan kepada semua.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Abdus Salam bin Haji Ali diikuti dengan Taklimat Jaket Keselamatan yang disampaikan oleh Pengurus Hal Ehwal Keselamatan, Syarikat Mashhor General Contractor Sendirian Berhad, Awang Rizal bin Dr. Haji Abdul Latif.

Pelita Brunei juga menemu bual salah seorang penerima yang telah mengendalikan perahu tambang lebih daripada lima tahun, iaitu Awang Firdaus bin Haji Awang Wahab.

Beliau turut meluahkan rasa bersyukur di atas pemberian jaket keselamatan tersebut dan akan dimanfaatkan sebaiknya.

Juga hadir pada majlis berkenaan ialah Timbalan Pengarah Hal Ehwal Korporat, Syarikat Mashhor General Contractor Sendirian Berhad, Awang Haji Osman bin Haji Omar.



PORT Master Interim, Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam, Kapten Basza Alexander bin Haji Basri (kanan) menyerahkan jaket keselamatan terpakai kepada operator perahu tambang.

# Fire Marshal penting bagi masyarakat

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 11 Januari. - Seramai 36 Kadet Bomba dan Penyelamat Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) termasuk tiga kakitangan KUPU SB dan dua pelajar kolej kediaman mengadakan Latihan Fire Marshal bertempat di kolej berkenaan, di sini.

Antara lain Fire Marshal tersebut diadakan bertujuan untuk mengetahui dan memahami cara-cara mengatasi serta bertindak dalam situasi kebakaran juga apa jua kecemasan.

Program Fire Marshal berlangsung selama tiga hari bermula 9 Januari lalu, diketuai oleh Penyelaras Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat KUPU SB, Dayangku Zainab binti Pengiran Haji Tuah.

Menurut beliau, Fire Marshal tersebut sangat penting untuk masyarakat mengetahui teknik-teknik untuk menyelamatkan semasa kebakaran, selain mengenal pasti kelemahan alat-alat penggera yang terdapat di KUPU SB.

Jelasnya, ia sangat berguna dan bermanfaat kepada masyarakat mengetahui bahagian Fire Marshal bagi mengurangkan kerosakan harta benda kerajaan juga harta kita sendiri.



ANTARA Kadet Bomba dan Penyelamat KUPU SB yang menyertai Latihan Fire Marshal bertempat di kolej berkenaan.

# Kursus Maktab Turus tingkatkan profesionalisme pegawai

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**TANAH JAMBU**, Khamis, 11 Januari. - Kursus Maktab Turus Siri Ke-8 bermula dengan Majlis Perasmian di Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Tanah Jambu, di sini.

Perasmian kursus tersebut disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), Pemangku Timbalan Pengarah Operasi Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) dan juga pemerintah-pemerintah angkatan tentera, pengarah-pengarah, komandan, pegawai dan anggota Akademi Pertahanan ABDB.

Terdahulu, Pemerintah ABDB dalam ucapan alu-aluannya berkata perkongsian serantau dan global adalah penting.

Akademi Pertahanan ABDB jelasnya, telah secara aktif mengambil bahagian dalam aktiviti dua hala dan antarabangsa.

Menurutnya, di peringkat serantau, Asia Tenggara telah dianggap sebagai rantau yang damai dan stabil walaupun menghadapi cabaran baharu.

"Keamanan yang berterusan itu lahir dari usaha yang dilaksanakan oleh ASEAN bertahun-tahun sejak ditubuhkan pada 8 Ogos 1967.

Di bawah pelbagai kerangka pertahanan dan keamanan, kami menyediakan dengan pelbagai platform untuk belajar dari satu sama lain, mengidentifikasi kepentingan bersama dan apa yang perlu dilakukan," jelasnya.

Kursus tersebut disertai oleh pegawai-pegawai ABDB, PDB dan JKDN serta pegawai-pegawai luar negara dari Australia, Bangladesh, Republik Rakyat China, Republik India, Republik Indonesia, Malaysia, New Zealand, Oman, Pakistan, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand dan Amerika Syarikat.

Berlangsung selama 40 minggu, kursus yang dikendalikan dengan kerjasama Massey New Zealand University itu bertujuan untuk meluaskan pengetahuan profesional dan akademik para pegawai, mempertingkatkan kemahiran arahan, analisis dan komunikasi pegawai-pegawai peringkat pertengahan bagi mempersiapkan mereka untuk jawatan-jawatan pemerintah dan staf yang lebih tinggi.



PEGAWAI-pegawai ABDB, PDB dan JKDN serta pegawai-pegawai luar negara yang hadir mengikuti Kursus Maktab Turus Siri Ke-8.

# 20 pegawai kanan ABDB naik pangkat



UPACARA pemakaian pangkat-pangkat disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah pada Majlis Kenaikan Pangkat.

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 11 Januari. - Atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), ABDB mengumumkan bahawa seramai 20 pegawai kanan ABDB telah dinaikkan pangkat.

Upacara pemakaian pangkat-pangkat telah disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah pada Majlis Kenaikan Pangkat yang berlangsung di Mes Pegawai Bolkiah Garison, Berakas, di sini.

Dalam senarai kenaikan pangkat ini, tujuh pegawai kanan telah dinaikkan ke pangkat Kolonel Tetap / Kapten Tetap.

Mereka terdiri dari 312 Leftenan Kolonel Mohammad Ismaon bin Haji Zaine; 358 Leftenan Kolonel Pengiran Azmali bin Pengiran Haji Mohammad Salleh; 359 Komander Spry bin Haji Serudi @ Haji Seruji, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB); 396 Leftenan Kolonel Khairil bin Haji Ismail; 398 Leftenan Kolonel Haji Damit bin Haji Bakar; 408 Komander Pengiran Mohammad bin Pengiran Haji Damit, TLDB dan 412 Leftenan Kolonel (Udara) Haji Alirupendi bin Haji Perudin.

Sementara itu, seorang pegawai kanan dinaikkan ke pangkat Leftenan Kolonel Tetap, iaitu Pemangku Leftenan Kolonel Rani bin Bujang.

Manakala 12 pegawai telah dinaikkan ke Pemangku Leftenan Kolonel / Pemangku Komander iaitu 477 Mejar Rizal bin Haji Abd Hadi; 486 Mejar (Udara) Johar bin Haji Abdullah; 506 Mejar Mohammad Suwardi Ariffin bin Pehin Datu Laksamana Dato Paduka Haji Abd Latif; 515 Mejar Azman bin Haji Peizan; 557 Mejar (Udara) Mohammed Hairy Erwandy bin Haji Raya; 587 Lieutenant Commander Mohammad Azrin bin Haji Mahmud, TLDB; 592 Mejar (Udara) Pengiran Mohamed Khairul Arifin bin Pengiran Haji Mohammad Salleh; 593 Mejar (Udara) Sherpor Nezam bin Abdul Ghapor; 622 Mejar Alirudimi bin Haji Perudin; 683 Mejar Azlina binti Haji Muhammad; 693 Mejar Pengiran Mohammad Shamsul Reza bin Pengiran Dato Paduka Haji Tengah; dan 702 Lieutenant Commander Rasman bin Puteh, TLDB.

Hadir pada majlis tersebut, Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit; Ahli-Ahli Komiti Eksekutif Pertahanan, pemerintah-pemerintah angkatan tentera, komandan-komandan, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pertahanan dan ABDB serta ahli-ahli keluarga pegawai-pegawai yang dinaikkan pangkat.

Kenaikan pangkat pegawai-pegawai ABDB adalah satu proses yang merupakan sebahagian dari perkembangan kerjaya pegawai-pegawai, dan juga untuk memegang jawatan-jawatan yang sedia ada yang mustahak untuk diisi.

Para pegawai yang dinaikkan pangkat adalah mereka yang telah mencapai kriteria-kriteria yang ditetapkan di dalam polisi utama yang memandu perkembangan kerjaya di ABDB.

Antara lain kriteria-kriteria yang dimaksudkan termasuk rekod prestasi kerja dan disiplin yang baik, telah menghadiri kursus-kursus tertentu, memiliki ciri-ciri kepimpinan yang baik dan tahap ketahanan jasmani serta kesihatan yang baik.






Diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi, dari Abu Hurairah Radiallahuanhu, katanya : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : *"Barang siapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan, maka Allah akan mempermudahkan baginya suatu jalan menuju ke syurga."*

- Jangan pernah menunda waktu belajar yang sudah dirancang.
- Sediakan matlamat dalam waktu belajar.
- Ulang kaji pelajaran secara sistematik.
- Gunakan teknik belajar yang sesuai dengan diri
- Amalkan mencatat formula khususnya dalam mata pelajaran, seperti Matematik.
- Pastikan nota catatan dibuat secara ringkas.
- Ibu bapa perlu mengenal pasti jika anak-anak memerlukan bantuan.
- Terima segala teguran dan pembetulan dengan hati terbuka.

**SUMBER : KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

# Tingkatkan keamanan dan kestabilan negara



SETIAUSAHA Tetap (Dasar dan Pelaburan), Kementerian Kewangan, Dato Paduka Awang Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman semasa berucap pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-160 dan Rekrut Wanita Pengambilan Ke-53.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**TUTONG,** Jumaat, 12 Januari. - Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) akan sentiasa giat berusaha dalam meningkatkan keamanan dan kestabilan Negara Brunei Darussalam.

"Melalui kenikmatan ini, sudah setentunya akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara yang mampan dan berdaya saing," tekan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pelaburan), Kementerian Kewangan, Dato Paduka Awang Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-160 dan Rekrut Wanita Pengambilan Ke-53 yang berlangsung di Padang Kawad, Institut Latihan ABDB, Penanjong Garison.

"Ini adalah kerana keamanan dan kestabilan negara merupakan salah satu faktor yang penting bagi menarik Pelabur Langsung Asing ke Negara Brunei Darussalam, yang mana secara tidak langsung akan meningkatkan persekitaran perekonomian negara yang kompetitif, kondusif, pro-perniagaan dan pro-pelaburan," jelas Dato Paduka.

Di samping itu, Dato Paduka juga menyentuh mengenai sifat berjimat cermat dan perbelanjaan berhemah termasuk dalam hal ehwal pembelian / perolehan barangan kerajaan.

"Setiap pembelian / perolehan yang dilaksanakan hendaklah mengikut peraturan-peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan.

Dengan adanya sifat sedemikian, ia akan dapat membantu khususnya kerajaan dalam memastikan kestabilan kewangan, meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan dengan tidak mengetepikan *value for money*,"ujarnya.

Perkara tersebut tegas Dato Paduka, adalah amat penting dan berharga untuk diterapkan bukan sahaja dalam kalangan warga Kementerian Pertahanan dan ABDB akan tetapi juga bagi seluruh warga Perkhidmatan Awam.

# Lebih 200 rekrut tamat latihan





SETIAUSAHA Tetap (Dasar dan Pelaburan), Kementerian Kewangan, Dato Paduka Awang Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman semasa menyampaikan anugerah-anugerah kepada rekrut-rekrut yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang sepanjang latihan rekrut dijalankan (kiri dan kanan).

**TUTONG,** Jumaat, 12 Januari. - Seramai 163 anggota Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-160 dan 56 anggota Rekrut Wanita Pengambilan Ke-53 telah menamatkan latihan asas ketenteraan dengan Perbarisan Tamat Latihan yang diadakan di Padang Kawad Institut Latihan ABDB (IL ABDB), Penanjong Garison.

Rekrut lelaki telah menjalani latihan selama 31 minggu sementara bagi rekrut wanita selama 21 minggu.

Tetamu kehormat bagi Upacara Perbarisan Tamat Latihan itu ialah Setiausaha Tetap (Dasar dan Pelaburan) Kementerian Kewangan, Dato Paduka Awang Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Terdahulu, tetamu kehormat memeriksa perbarisan dan seterusnya menyampaikan anugerah-anugerah kepada jurulatih-jurulatih dan rekrut-rekrut yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang sepanjang latihan rekrut dijalankan.

Penerima-penerima anugerah bagi Pengambilan Rekrut Lelaki Ke-160 adalah 15737 Sarjan Awang Md. Ali bin Haji Ismail bagi Platun Sarjan Lelaki Terbaik; 15566 Lans Koperal Awang Suhardi bin Kurus bagi Jurulatih Lelaki Terbaik; 52308 Rekrut (L) Awang Md. Zulizam bin Shamri bagi Rekrut Lelaki Terbaik Keseluruhan; 52175 Rekrut Awang Ahmad Firdaus bin Yusup bagi Rekrut Terbaik Penembak Senjata Ringan; 52272 Rekrut (U) Awangku Md. Izzat Suffi bin Pengiran Emran bagi Latihan Jasmani Terbaik; dan 52180 Rekrut Awangku Aminor Ariffin bin Pengiran Amir Hamzah bagi Kemahiran Tentera Terbaik.

Manakala rekrut wanita juga diberikan anugerah dalam kategori yang sama, iaitu 21324 Sarjan Dayang Hajah Norhafizah binti Haji Duraman bagi Platun Sarjan Wanita Terbaik; 21243 Koperal Dayang Linda binti Serudin bagi Jurulatih Wanita Terbaik; 21875 Rekrut Dayangku Khalisha binti Pengiran Abd. Rahman bagi Rekrut Wanita Terbaik Keseluruhan; 21870 Rekrut Dayang Almas Syadwanie binti Kamis bagi Penembak Senjata Ringan Rekrut Terbaik; 21885 Rekrut (U) Dayang Siti Marhayati binti Ahmad bagi Latihan Jasmani Terbaik; dan 21860 Rekrut Dayang Nurhafizah binti Harun bagi Kemahiran Tentera Terbaik.

Turut hadir ialah Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah; pemerintah angkatan tentera, komandan-komandan, para pegawai kanan, pegawai-pegawai, anggota-anggota ABDB serta ahli keluarga dan kawan rekrut-rekrut.

# Martabatkan bahasa Melayu melalui kajian karya sastera





DR. Dayang Hajah Aini binti Haji Karim dalam sesi pembentangan karya-karya Muslim Burmat (kiri), manakala gambar kanan, sebahagian peserta yang hadir pada simposium tersebut.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Masri Osman

**TUNGKU,** Khamis, 11 Januari. - Sebanyak 11 kertas kerja dibentangkan pada simposium sehari 'Menghargai Sumbangan Muslim Burmat Dalam Dunia Kreatif' yang dianjurkan oleh Universiti Brunei Darussalam (UBD) melalui Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS).

Ahli panel terdiri daripada para ahli akademik dari UBD serta pegawai-pegawai kerajaan antaranya daripada Dewan Bahasa dan Pustaka yang membentangkan karya-karya kesusasteraan oleh 'Muslim Burmat' di bawah tiga tema iaitu 'Nilai dan Pendidikan, Kesusasteraan Bandingan dan Sejarah'.

Simposium yang diadakan di Institut Kepimpinan, Inovasi dan Kemajuan (ILIA), UBD itu dirasmikan oleh Dekan FASS, Dr. Dayang Hajah Asiyah Az-Zahra binti Haji Ahmad Kumpoh.

Dalam ucapan alu-aluan Dr. Dayang Hajah Asiyah Az-Zahra menjelaskan, di Negara Brunei Darussalam, mata pelajaran Kesusasteraan Melayu telah diperkenalkan dan diajarkan di peringkat sekolah menengah, pra-universiti dan institusi pengajian tinggi sejak tahun 1970-an lagi.

Terangnya, antara matlamatnya ialah untuk membolehkan pelajar menjiwai unsur dan nilai murni dari segi kerohanian, kemasyarakatan, kebudayaan, kewarganegaraan serta menanam perasaan cinta akan tanah air, berpaksi falsafah negara Melayu Islam Beraja dan Wawasan Negara 2035.

"Saya amat berharap, penganjuran seumpama ini sebagai langkah pertama dan setentunya bukan langkah terakhir, khususnya bagi FASS dan UBD amnya, dalam sama-sama memartabatkan dan mendaulatkan bahasa Melayu menerusi kajian karya sastera.

Kajian dan penyelidikan terhadap tokoh-tokoh serta hasil karya penulis-penulis lain yang terdapat di negara kita, dapat dijadikan sebagai agenda perbincangan, simposium dan seminar di masa akan datang, waima pun dalam bentuk yang kecil dan sederhana; apa yang penting ialah ilmu dan manfaat yang kita perolehi dan garap dari perbincangan yang diikuti," jelas beliau.

Juga hadir, tokoh, penulis mapan dan penerima 'Southeast Asia Writers Award' yang pertama bagi negara ini, iaitu Dato Paduka Haji Muslim bin Haji Burut, yang terkenal dengan nama pena Muslim Burmat termasuk para tenaga pengajar dan penuntut daripada sekolah-sekolah menengah, Pusat Tingkatan Enam, institusi pendidikan serta dari jabatan-jabatan kerajaan..

Muslim Burmat merupakan seorang penulis yang prolifik dan produktif di mana segala hasil penulisan beliau, baik dalam genre cerpen atau novel, telah digunapakai di peringkat sekolah menengah, pra-universiti, institusi pengajian tinggi, dikaji oleh sarjana tempatan serta penggiat dan peminat sastera.

Beliau telah berjaya menghasilkan sebanyak 17 buah novel yang membicarakan pelbagai isu yang menyentuh tentang agama, budaya, ekonomi, sejarah dan banyak lagi.

## IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

PSC RECRUITMENT

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

**PERATURAN 7(A)**

BILANGAN IKLAN 05/01/18 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN: 13 JANUARI 2018**
**TARIKH TUTUP: 27 JANUARI 2018**

| | | |
|---|---|---|
| **1. KURATOR SEJARAH**<br>**B.2 EB.3 / B.3**<br>BAHAGIAN II<br>JABATAN MUZIUM-MUZIUM<br>KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN<br>**KEKOSONGAN = SATU (01)** | **2. JURU X-RAY**<br>**M.11**<br>BAHAGIAN II<br>KEMENTERIAN KESIHATAN<br>**KEKOSONGAN = SATU (01)** | **3. PENTERJEMAH UNDANG-UNDANG**<br>**C.1-2 EB.3**<br>BAHAGIAN III<br>PEJABAT PEGUAM NEGARA<br>JABATAN PERDANA MENTERI<br>**KEKOSONGAN = SATU (01)** |
| **4 TEKNISYEN KAPAL TINGKAT I**<br>**D.3 EB.4**<br>BAHAGIAN IV<br>JABATANARAH PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA<br>KEMENTERIAN PERTAHANAN<br>**KEKOSONGAN = SATU (01)** | **5. OPERATOR KENDERAAN TINGKAT I**<br>**D.2-3 EB.4**<br>BAHAGIAN IV<br>PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA<br>KEMENTERIAN KEWANGAN<br>**KEKOSONGAN = TIGA (03)** | **6. PENYELENGGARA STOR TINGKAT II**<br>**D.2 EB.3-4**<br>BAHAGIAN IV<br>JABATAN-JABATAN KERAJAAN<br>**KEKOSONGAN = DUA (02)** |
| | **7. PEMBERSIH PEJABAT**<br>**F.1-2-3 EB.4**<br>BAHAGIAN V<br>JABATAN-JABATAN KERAJAAN<br>**KEKOSONGAN = SATU (01)** | |

**UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:**
Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

**HELPLINE:**
**TALIAN DARUSSALAM 123**

## IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

PSC RECRUITMENT

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

**PERATURAN 7(A)**

BILANGAN IKLAN 04/01/18 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai (di dalam dan luar negeri) dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN: 10 JANUARI 2018**
**TARIKH TUTUP: 10 FEBRUARI 2018**

| | |
|---|---|
| **1. KONSULTAN GRED II (PERUBATAN) / CONSULTANT GRADE II (MEDICAL)**<br>**MD.19**<br>BAHAGIAN I<br>KEMENTERIAN KESIHATAN<br>**KEKOSONGAN = TIGA (03)** | **2. PEGAWAI PERUBATAN KANAN GRED II (PERUBATAN) / SENIOR MEDICAL OFFICER GRADE II (MEDICAL)**<br>**MD.17**<br>BAHAGIAN I<br>KEMENTERIAN KESIHATAN<br>**KEKOSONGAN = ENAM (06)** |
| **3. PEGAWAI PERUBATAN GRED II / MEDICAL OFFICER GRADE II**<br>**MD.16**<br>BAHAGIAN I<br>KEMENTERIAN KESIHATAN<br>**KEKOSONGAN = LIMA BELAS (15)** | **4. PAKAR TANAH / SOIL SCIENTIST**<br>**B.2 EB.3**<br>BAHAGIAN II<br>JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN<br>KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN<br>**KEKOSONGAN = SATU (01)** |
| **7. KERANI / JURUBAHASA / CLERK INTERPRETER**<br>**D.3 EB.4-5**<br>BAHAGIAN IV<br>JABATAN KEHAKIMAN NEGARA<br>JABATAN PERDANA MENTERI<br>**KEKOSONGAN = SATU (01)** | |

**UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:**
Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

**HELPLINE:**
**TALIAN DARUSSALAM 123**

---

PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

**PEJABAT PEGUAM NEGARA**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**TAWARAN SEBUT HARGA :**
**JPN / K / 1 / 11 / TT / 2018 / 21**

**TAWARAN PERKHIDMATAN PEMELIHARAAN KAWASAN LUAR / DALAM BANGUNAN UNDANG-UNDANG DAN MAHKAMAH-MAHKAMAH JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong tempatan bagi Pemeliharaan Kawasan Luar / Dalam bagi Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Negara Brunei Darussalam.

2. Setiap pemborong hendaklah membuat salinan cetakan Hard Copy (*binding*) daripada cekera padat (CD) yang diperolehi dari pejabat ini dan memasukkan ke dalam **Peti Tawaran** yang beralamat seperti dibawah :

**Bahagian Pentadbiran dan Kewangan**
**Tingkat II, Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah,**
**Pejabat Peguam Negara,**
**Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha,**
**Negara Brunei Darussalam.**

**tidak lewat jam 2:00 Petang, Selasa, 23 Januari 2018.**

3. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

4. Semua tawaran hendaklah dikirim dengan sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) tanpa menunjukkan sebarang identiti pemborong. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah dituliskan nama **Tawaran Pemeliharaan Kawasan Luar / Dalam Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Negara Brunei Darussalam.**

5. Bayaran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar ke **Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Unit Pengurusan, Seksyen Pengurusan Aset dan Perkhidmatan Am, Tingkat I, Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah, Pejabat Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, bagi mendapatkan CD dengan harga BND5.00 (tunai). Wang ini tidak akan dikembalikan.**

**<u>Waktu Menerima Bayaran</u>**
**Isnin hingga Khamis**
**8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi**
**2.00 Petang hingga 3.00 Petang**
**Sabtu**
**8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi**

6. Tawaran ini adalah untuk tempoh satu (1) tahun.

7. Cekera Padat (CD) dan keterangan lanjut mengenai perkara ini bolehlah diperoleh seperti alamat yang dinyatakan di perenggan 5 di atas.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau apa-apa jua tawaran.

---

JABATAN POS
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

**SPESIFIKASI**
**Sewa Ruang-Ruang**
**Pejabat Pos Mumong, Kuala Belait**
**Rujukan :**
**POS / T / 27 / JPP / 2017-2018**

MAKLUMAN am dan syarat-syarat perjanjian :

Antara yang menyampaikan taklimat pada sesi perjumpaan tersebut ialah Pemangku Penolong Pengarah Bahagian Perkembangan Sumber Tenaga Manusia, Kementerian Pendidikan, Dr. Dayang Norhijrah binti Haji Ahmad dan Pegawai Pendidikan Tingkat Khas, BDTA, Dayang Hajah Rosinah binti Haji Sabli.

Maklumat lanjut mengenai cara pendaftaran dan kursus-kursus yang ditawarkan, guru-guru bolehlah melayari laman sesawang BDTA di *bdta.moe.gov.bn*.



SEBAHAGIAN guru yang hadir pada Sesi Perjumpaan Bersama Pemimpin-pemimpin Sekolah Kerajaan bagi Sesi Pertama Tahun 2018.

# Kelebihan membina masjid




> **"KETAHUILAH : sesungguhnya Tuhanku meluaskan kurnia rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya antara hamba-hamba-Nya dan menyempitkannya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan apa sahaja yang kamu belanjakan untuk kebaikan, maka Allah akan mengantikannya dan dialah sebaik-baik pemberi rezeki." - Surah Saba', ayat 39.**

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya masjid ialah tempat yang mulia lagi suci. Peranan masjid dalam kehidupan kita umat Islam adalah sangat penting. Kerana itulah perkara utama yang dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam setelah berhijrah ke Madinah adalah dengan membina masjid, iaitu Masjid Quba. Dari masjid inilah bermulanya penyebaran dan pengukuhan syiar Islam yang berperanan sebagai pusat peribadatan, pusat ilmu pengetahuan, pusat kegiatan umat dan lain-lain lagi aktiviti kemasyarakatan. Sesuai dengan peranannya sebagai tempat ibadat dan menyeru manusia kepada ketakwaan dan menjauhi kemaslahatan, masjid hendaklah dibangunkan atas dasar takwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taubah, ayat 108 :

**Tafsirnya :**

*"Janganlah engkau wahai Nabi Muhammad mendirikan sembahyang di dalam masjid itu selama-lamanya. Sesungguhnya Masjid Quba yang dibina atas dasar takwa sejak hari pertama dibina adalah lebih layak engkau mendirikan sembahyang di dalamnya. Di dalam masjid itu ada orang-orang yang ingin membersihkan diri mereka dan Allah mengasihi orang-orang yang suka membersihkan diri."*

Ketahuilah, masjid juga adalah tempat yang paling dicintai dan disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda riwayat Al-Imam Muslim.

**Maksudnya :**

*"Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : tempat yang paling disukai Allah di dalam sesuatu negeri itu ialah masjid-masjidnya."*

Sesungguhnya sebagai hamba Allah, kita mempunyai peluang yang amat besar dan pelbagai cara untuk mendapatkan kesejahteraan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat lebih-lebih lagi untuk bekalan dan saham hidup di akhirat kelak seperti memperbanyakkan amalan sedekah, hadiah, *hibah* (pemberian), wakaf dan seumpamanya.

Wakaf ialah suatu yang diberikan untuk kepentingan dan kegunaan orang ramai dengan tujuan untuk mendapatkan kebaikan dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Amalan berwakaf merupakan ibadah yang berbentuk sedekah jariah yang dijanjikan ganjaran pahala oleh Allah Subhanahu Wata'ala selagi mana harta yang diwakafkan itu kekal dan dimanfaatkan oleh orang ramai, ganjaran pahalanya akan terus berkekalan walaupun pewakaf itu telah meninggal dunia. Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Imam Muslim.

**Maksudnya :**

*"Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, jika seseorang meninggal dunia, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara, iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakan kedua orang tuanya."*

Berwakaf khususnya dalam membina masjid adalah satu amalan yang mulia dan sangat digalakkan dalam Islam. Bagi mereka yang mempunyai kelebihan harta dan wang ringgit, menginfakkan dan membelanjakan harta pada jalan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala seperti berwakaf merupakan perkara yang sangat dituntut dalam agama Islam. Beruntunglah orang-orang yang diberi petunjuk dan hidayah oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk tolong-menolong dan bantu-membantu di dalam perkara yang baik dan berkebajikan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Saba', ayat 39 :

**Tafsirnya :**

*"Ketahuilah : Sesungguhnya Tuhanku meluaskan kurnia rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya antara hamba-hamba-Nya dan menyempitkannya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan apa sahaja yang kamu belanjakan untuk kebaikan, maka Allah akan menggantikannya dan Dialah sebaik-baik pemberi rezeki."*

Memang tidak dinafikan, perbelanjaan untuk membina majid itu bukannya sedikit dan tidak semua yang berkemampuan. Akan tetapi, kita sebagai rakyat dan penduduk negara ini berasa amat bersyukur kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan penubuhan Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda mengenai keutamaan dan kelebihan membina masjid :

**Maksudnya :**

*"Daripada Jabir bin Abdullah, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda sesiapa yang membina masjid kerana Allah sekalipun hanya seperti sarang burung atau lebih kecil, maka Allah akan membina untuknya rumah di dalam syurga."* Riwayat Al- Imam Ibnu Majah.

Alhamdulillah, pada ketika ini Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam telah dibukakan kepada orang ramai selama 45 hari, iaitu mulai 6 Disember 2017 yang lalu hingga 19 Januari 2018 dan dihasratkan menjadi wadah kekal bagi orang-orang Islam untuk menabung pahala melalui pembinaan masjid dan sebagai satu peluang keemasan untuk bertanam saham di akhirat. SMS Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam memberi peluang kepada orang ramai khusunsya umat Islam di Negara Brunei Darussalam ini bagi menginfakkan dan membelanjakan harta dengan niat sebagai ibadah dan melipatgandakan amal kebajikan semata-mata bagi meraih ganjaran pahala yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Hasil kutipan Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam akan digunakan bagi membina masjid yang baharu, membaik pulih dan menambah bangunan masjid serta keperluannya.

Mudah-mudahan segala yang kita infakkan dan dermakan dengan tulus ikhlas diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan mudah-mudahan dengan yang demikian kita mendapat keredaan, keberkatan, ganjaran pahala dan rahmat yang berpanjangan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin Yaa Rabbal Alamin.

Surah Al-Baqarah, ayat 261.

**Tafsirnya :**

*"Perumpamaan orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah samalah seperti menanam sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, tiap-tiap satu tangkai pula mengandungi seratus biji dan Allah akan menggandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas Rahmat dan limpah kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui."*

# BIBD diiktiraf Aplikasi Perbankan Mudah Alih Terbaik, Bank Digital Terbaik, Brunei 2017

**Siaran Akhbar : Bank Islam Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 10 Januari. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) sekali lagi diberi pengiktirafan antarabangsa atas teknologi platform bertaraf dunia yang menyediakan pengalaman pelanggan yang hebat. World Finance, iaitu salah satu jurnal perkhidmatan kewangan terkemuka telah menganugerahkan BIBD dengan 'Aplikasi Perbankan Mudah Alih Terbaik' dan 'Bank Digital Terbaik di Brunei 2017'.

Pengiktirafan tersebut diumumkan pada Anugerah Perbankan Digital World Finance 2017. World Finance memuji platform BIBD dan menyatakan bahawa BIBD telah menerajui kaedah digitalisasi bagi memenuhi tuntutan pengguna dan mengurangkan risiko yang akan datang.

World Finance juga memuji BIBD atas rekodnya untuk menjadi lebih bersedia dalam menyesuaikan diri, melaksanakan teknologi baharu dan bekerjasama dengan pakar Fintech.

Anugerah tersebut telah mengukuhkan kedudukan BIBD sebagai bank yang progresif yang menggunakan piawaian bertaraf dunia dalam setiap aspek operasinya.

BIBD juga menerima Anugerah 'Bank Runcit Terbaik di Brunei 2017' dan penarafan 'Bank Terkukuh di Asia Pasifik' dari The Asian Banker pada tahun 2017.

Menurut Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Mubashar Khokhar semasa mengulas mengenai pengiktirafan tersebut, pengiktirafan itu adalah hasil daripada komitmen dan semangat semua warga di BIBD untuk memberikan penyelesaian yang lebih baik dan selamat bagi memberikan pengalaman superlatif kepada para pelanggan.

Jelas beliau lagi, menyediakan lebih banyak platform perbankan yang mudah dan lancar adalah sebagai sebahagian daripada komitmen BIBD untuk membantu ekonomi Brunei dengan mengembangkan lagi teknologi yang lebih inovatif untuk keselesaan dan keselamatan para pelanggan.

World Finance menyediakan analisis dan liputan menyeluruh terhadap industri kewangan, perniagaan antarabangsa dan ekonomi global. Para penulis menggabungkan laporan yang memenangi anugerah, meliputi pelbagai topik dari perbankan dan insurans kepada pengurusan harta dan pelaburan infrastruktur dengan sumbangan idea dari beberapa pakar ekonomi dan pakar teori yang paling dihormati di dunia termasuk para perunding dalam sektor kerajaan dan World Economic Forum.

# Kampung Batu Apoi pelbagaikan produk 1K1P

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Haji Ariffin, ihsan MPK Batu Apoi

KREATIVITI penduduk kampung dalam menghasilkan sesuatu produk sememangnya dapat memajukan sesebuah kampung. Kepelbagaian produk kampung yang dihasilkan oleh penduduk kampung itu sendiri dengan tidak hanya bergantung pada satu produk saja akan dapat meningkatkan perekonomian kampung berkenaan. Begitulah yang dipraktikkan oleh sebilangan penduduk Kampung Batu Apoi. Tidak hanya bergantung pada pemprosesan ambulong daripada sagu sebagai produk di bawah Program 1 Kampung 1 Produk (1K1P), penduduk kampung itu memiliki kreativiti tersendiri dengan mempelbagaikan sumber yang sedia ada di kampung berkenaan.

**Sapit Ambulong**

Ramai dalam kalangan kita yang sudah mengenali makanan tradisi tempatan, iaitu Kuih Sapit. Makanan jenis kering yang mendapat tempat di hati penggemar makanan tempatan ini diperbuat daripada tepung, gula, santan dan telur. Namun, atas kreativiti Penolong Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung (MPK) Batu Apoi, Dayang Normah binti Ismail, berjaya menghasilkan Sapit Ambulong sebagai aliran daripada produk kampung berkenaan.

Menurut Dayang Normah, penglibatan beliau dalam menghasilkan Sapit Ambulong bermula dengan mengusahakan penghasilan Kuih Sapit biasa sejak tiga tahun lalu. Atas saranan Ketua Kampung Batu Apoi, Awang Haji Daud bin Haji Masri, beliau telah mempelbagaikan pembuatan Kuih Sapit tersebut dengan menghasilkan Kuih Sapit yang diperbuat daripada sagu. Dengan itu muncullah satu lagi produk kampung, iaitu Kuih Sapit Ambulong.

**Pasaran dan Sambutan**

Dayang Normah menjelaskan, beliau memasarkan Sapit Ambulongnya itu di kedai kampung yang terletak di Pekan Bangar, selain mempromosikannya dengan mengikuti ekspo-ekspo jualan baik di Daerah Temburong mahupun di daerah-daerah lain. Lawatan-lawatan dari daerah luar ke Kampung Batu Apoi juga menjadi satu platform buat Dayang Normah untuk mempromosikan Sapit Ambulong MPK Batu Apoi, di mana ketika lawatan dibuat, penduduk kampung akan mengambil peluang mempamerkan produk-produk masing-masing.

Sambutan ataupun permintaan daripada para pelanggan terhadap Sapit Ambulong yang dihasilkannya adalah memberangsangkan. Dayang Normah sering menerima tempahan daripada orang ramai khususnya untuk dijadikan cenderahati semasa berlangsungnya sesuatu acara. Dengan penghasilan Sapit Ambulong ini setentunya akan dapat menambah pendapatan Dayang Normah yang sebelum ini juga berjaya menghasilkan beberapa jenis Biskut Ambulong.

**Kubal Ambulong**

Selain Sapit Ambulong, satu lagi produk aliran MPK Batu Apoi ialah pembuatan kubal. Tahukah biskita apa yang dimaksudkan dengan kubal? Secara ringkasnya, kubal merupakan makanan tradisional yang sering dimakan bersama buah pisang. Hampir serupa dengan sesagun, kubal agak kasar sedikit jika dibandingkan dengan sesagun, namun proses pembuatannya tidak jauh berbeza, iaitu dengan menggunakan tepung beras.

Namun, kubal yang dihasilkan oleh Penolong Ketua Kebajikan dan Kemasyarakatan MPK Batu Apoi, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Nawi ini mempunyai keunikannya tersendiri, iaitu diperbuat daripada sagu yang telah dijemur dan dikeringkan sebelum dikisar menjadi halus hingga terhasilnya tepung sagu.

Menurut Dayang Hajah Fatimah, sagu untuk membuat Kubal Ambulong MPK Batu Apoi itu diperoleh dari MPK itu sendiri yang sememangnya mempunyai produk pembuatan ambulong. Katanya lagi, beliau mempelajari membuat kubal dari kedua orang tuanya, manakala perusahaan membuat Kubal Ambulong pula bermula sejak kampung berkenaan aktif dengan pemprosesan ambulong yang menjadi produk MPK Batu Apoi, iaitu sejak tahun 2013 lagi.

Dayang Hajah Fatimah menjelaskan, beliau terlibat dalam penghasilan membuat kubal ini antara lain dengan tujuan untuk menambah sedikit pendapatan sampingan selain untuk mengembangluaskan produk kampung. Katanya lagi sambutan orang ramai terhadap Kubal Ambulong ini adalah mengalakkan, di mana beliau menerima tempahan bukan hanya daripada para pelanggan di Daerah Temburong malahan juga menerima tempahan dan permintaan daripada penggemar kubal dari luar daerah ini.

Penghasilan produk-produk aliran dengan menggunakan sumber semula jadi yang sedia ada setentunya akan memberi impak terhadap sumber berkenaan. Dengan penggunaan berterusan terhadap pokok-pokok rumbia bagi menghasilkan ambulong dan produk-produk lainnya akan menjadikan bekalan daripada sumber alam semula jadi itu pupus dengan cepat dari yang dijangkakan. Oleh itu, kebijaksanaan para penduduk kampung dalam menangani isu tersebut hendaklah diambil perhatian serius agar penghasilan produk-produk ambulong dan alirannya akan dapat berdaya tahan.




ANTARA produk kampung yang dihasilkan daripada ambulong.






SEBAHAGIAN produk yang dihasilkan oleh Kampung Batu Apoi dalam menjana ekonomi Pengusaha Kecil dan Sederhana (kiri dan kanan).

## Apa Pendapat Biskita?

### Bandarku Ceria Jana Ekonomi PKS

PROGRAM Bandarku Ceria yang diperkenalkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan disokong oleh beberapa kementerian lain serta syarikat-syarikat swasta telah berjaya menambah ceriakan Bandar Seri Begawan setiap hari Ahad.

Sebelum itu, ibu negara hanya sepi serta tidak banyak pintu kedai yang membuka perniagaannya tetapi dengan program Bandarku Ceria keadaan dan suasana tersebut drastik berubah dengan ibu negara menjadi meriah malah sebahagian jalan raya menuju ke ibu negara ditutup bagi kenderaan bermotor semata-mata menjayakan Bandarku Ceria.

Selain itu, dengan Bandarku Ceria pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan orang individu dapat mengaut sedikit wang kerana dengan adanya Bandarku Ceria malah ibu negara menjadi lebih meriah dengan kunjungan daripada pelbagai masyarakat hinggakan ia dilaratkan ke daerah lain seperti Tutongku Ceria, Belaitku Ceria dan Bangarku Ceria.

Ruang Pendapat Pembaca sempat mendapatkan beberapa komen daripada orang ramai mengenai Bandarku Ceria.

"Program Bandarku Ceria adalah program yang aktif memerlukan penyertaan semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini. Program Bandarku Ceria adalah satu pendekatan yang jitu dan terarah - serampang tiga mata.

Pertama - Ia menjana ekonomi PKS yang tumbuh melata, seperti cendawan di segenap pelusuk negara. Konsep ini menjana pulangan yang pada tahap awalnya mikro, tetapi menjadi semakin besar pada kemudiannya. Ia juga menjana minat dan kreativiti belia Brunei yang bersemangat untuk kreatif dalam mencari sumber rezeki mata pencarian hidup yang halal, mudah, ringkas serta menjana pulangan sebagai sumber kehidupan.

Kedua - Program Bandarku Ceria dalam masa yang sama menceriakan suasana Bandar Seri Begawan dengan warna-warni aktiviti perniagaan, aktiviti kreativiti, aktiviti gerak laku manusia yang pelbagai dari sekecil-kecil kanak-kanak sehingga warga emas yang bergerak bebas tanpa sekatan halangan juga debu kotor yang dihasilkan oleh kereta-kereta yang boleh saja mengancam kesihatan.

Malahan gerak laku menggunakan basikal, beca dan pelbagai pengangkutan jenis kayuhan menyemarakkan lagi suasana jalan-jalan raya dan lorong-lorong yang biasanya sepi dan kurang meriah. Perkara sedemikian sekali gus menarik minat serta menggambit hati semua orang yang mulanya tidak berminat untuk turun berjalan kaki ke bandar. Perubahan tepi Sungai Brunei yang sudah indah dan menarik berserta kemudahan berjalan kaki juga menyuntik semangat untuk terus mengamalkan penghidupan sihat melalui olah raga jalan kaki dan berlari-lari anak.

Ketiga - Program Bandarku Ceria juga adalah perlambangan perubahan minda rakyat Brunei yang berputik daripada rekreasi yang dicetuskan oleh raja kitani Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui aktiviti kayuhan basikal jarak dekat.

Sederhana dan jauh. Aktiviti ini menambah keceriaan suasana, di samping menjadikannya sebagai aktiviti utama." **- Ijah Gnayad, RPN Rimba.**

"Bandarku Ceria patut diteruskan dan dipelbagaikan lagi aktiviti keluarga. Sejak adanya Bandarku Ceria rakyat negara ini semakin bijak mencipta peluang pernigaan sambil menjayakan dalam Bandarku Ceria, seperti menyewakan basikal bukan saja untuk tujuan olah raga tetapi juga riadah bersama keluarga.

Kalau sebelum ini anak-anak hanya terperap di rumah depan Tv mahupun duduk bermain gadget dan tidak melakukan pergerakan fizikal, sejak adanya Bandarku Ceria kita sudah nampak kemeriahan keluarga bersama kanak-kanak berlari di padang sambil bermain basikal, bermain buih-buih yang juga ada tersedia, malah basikal dan beca juga untuk disewakan kepada orang ramai daripada peniaga-peniaga yang sangat kreatif.

Bandarku Ceria memang sedikit sebanyak mengubah suasana ibu negara juga cara hidup rakyat negara ini ke arah yang lebih positif, sihat dari segi fizikal dan mental." **- Naim, Rimba.**

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.
Sila e-mel pendapat biskita ke :
*pelita.brunei@information.gov.bn*
i. Penggunaan Beg Kitar Semula.
ii. Pembayaran Gaji Sebulan Dua Kali.

# Bina kepelbagaian budaya, kerjasama di antara belia Korea - ASEAN



**PEMANGKU Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Zafri bin Haji Mohamed (empat, kiri) semasa mengucapkan selamat belayar kepada tujuh belia negara yang menyertai The 19th ASEAN - Korea Future Oriented Youth Exchange Programme : ASEAN - Korea Youth Square yang bermula 11 hingga 17 Januari 2018.**

**Siaran Akhbar : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 10 Januari. - Seramai tujuh belia telah berlepas ke Seoul, Korea bagi menyertai The 19th ASEAN - Korea Future-Oriented Youth Exchange Programme : ASEAN - Korea Youth Square yang bermula pada 11 hingga 17 Januari 2018.

Perwakilan belia yang menyertai program tersebut terdiri daripada pelajar-pelajar kolej dan mahasiswa serta mahasiswi dari beberapa Institusi Pengajian Tinggi yang diketuai oleh Awang Muhammad Wafiy bin Haji Norhalim selaku Ketua Belia.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Zafri bin Haji Mohamed.

Program berkenaan menjemput para belia dari negara ASEAN dan Republik Korea untuk mempersembahkan kebudayaan dan sejarah mereka melalui pertukaran budaya.

Tema keseluruhan program tersebut ialah 2017, the year of ASEAN - Korea Cultural Exchange with Youth yang mana program pada tahun ini berdasarkan pada pembinaan kepelbagaian budaya Asia dan kerjasama di antara belia Korea dan ASEAN.

Di sepanjang program dijalankan, para belia akan mengikuti Celebration for the year of ASEAN - Korea Culture, ASEAN - Korea Youth Food Festival, ASEAN - Korea Youth Night, ASEAN - Korea Publicity Festival, Seoul Self-Cultural Training, mengalami sendiri budaya dan tradisi Korea, mengikuti aktiviti sukan musim sejuk dan membuat lawatan ke 2018 Pyeongchang Winter Olympic Site.

Selain pertukaran budaya, program bertujuan untuk mendedahkan belia pada kepelbagaian aktiviti, di samping memberi inspirasi pada satu sama lain dan menjalin semangat kerjasama untuk masa depan yang lebih baik.



# Pasukan BM juarai dua kategori Kejohanan Lawan Pedang




PENGURUS Pasukan MS ABDB, 852 Mejar (U) Awang Mohammad Nashriq bin Moksin bergambar kenangan bersama para pemenang bagi Kategori Individu Sabre Lelaki dalam Kejohanan Lawan Pedang Terbuka Brunei 2018.



DAYANG Eleena binti Haji Anuar berjaya membuat serangan markah pertama beliau menentang Dayang Hajah Anis Sabrina binti Yahya.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 11 Januari. - Awang Haziq Asahrin dari pasukan Brunei dan Muara (BM) menjuarai Kategori Individu Sabre Lelaki dalam Kejohanan Lawan Pedang Terbuka Brunei 2018 sekali gus menumpaskan 14 peserta yang menyertai kategori berkenaan.

Naib juara disandang oleh 18207 Kpl Awang Yunus Hamid mewakili pasukan Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB), manakala tempat ketiga pula dimenangi bersama oleh Awang Hardiwan Shah Rahim dan Awang Anaqi Danish Asahrin yang masing-masing mewakili pasukan BM.

Hadir menyampaikan pingat kepada para pemenang pada kejohanan yang berlangsung di Stadium Tertutup Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini ialah Pengurus Pasukan MS ABDB, 852 Mejar (U) Awang Mohammad Nashriq bin Moksin.

Sementara itu, Dayang Hajah Anis Sabrina binti Haji Yahya dari pasukan BM pula menjuarai Kategori Individu Foil Wanita, naib juara disandang oleh Dayang Eleena binti Haji Anuar dari pasukan BM diikuti tempat ketiga dimenangi bersama Belinda Michael Francis dari pasukan Sabah dan Dayang Maisarah binti Mahusin dari pasukan BM.

Kejohanan disambung di hari berikutnya bagi Kategori Individu Epee Lelaki dan Kategori Individu Sabre Wanita yang akan berlangsung di tempat yang sama.




PERLAWANAN akhir bagi Kategori Individu Sabre Lelaki di antara Awang Haziq Asahrin dan Kpl Awang Yunus Hamid pada Pertandingan Lawan Pedang Terbuka Brunei 2018.

# JKCT sertai perlumbaan basikal di Pulau Indah

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ihsan Pasukan Berbasikal Jiwa Kacau

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 11 Januari. - Seramai sembilan penunggang basikal dari Pasukan Berbasikal Jiwa Kacau (JKCT) berlepas meninggalkan negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, di sini.

Para peserta akan menyertai Perlumbaan 180 Kilometer Pulau Indah yang akan berlangsung di Selangor, Malaysia Ahad ini.

Perlumbaan tersebut memasuki edisi ketiga dan berjaya mengadakan persaingan perlumbaan sejak tahun 2017.

Para peserta juga diberi pengalaman menunggang dalam acara Pelancongan Profesional dengan pengenalan Radio Komunikasi untuk Pasukan-pasukan Kereta Sokongan dan Komisar Berkelayakan.

Beberapa kelab berbasikal tempatan juga menghantar wakil kelab masing-masing untuk menyertai perlumbaan tersebut.

# NFABD pilih pemain kebangsaan

Siaran Akhbar dan Foto :
Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 11 Januari. - Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) akan mengadakan pemilihan pemain kebangsaan bawah 12 dan 14 tahun bertempat di Kompleks Sukan Tutong pada Ahad ini.

Pemilihan tersebut bagi pemain yang lahir pada tahun 2004 hingga 2007 dan semua pemain dikehendaki memakai pakaian jersi lengkap, di samping menyertakan surat beranak atau salinan ketika pemilihan.

Jabatan Teknikal NFABD mempunyai perancangan untuk pemain terbaik yang dilahirkan pada tahun 2005, 2006 dan 2007 untuk menyertai Pusat Kecemerlangan (COE) di Daerah Tutong yang akan disambung semula pada awal Februari depan.

Bagi pemain fizikal terbaik yang lahir pada tahun 2004 dan 2005, Jabatan Teknikal NFABD seterusnya merancang untuk memasukkan mereka ke dalam akademi kebangsaan di bawah 14 tahun, di mana mereka akan berlatih setiap hari di Padang Artificial, Bandar Seri Begawan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Persatuan Bola Sepak Daerah Tutong, Awang Matussin bin Sumpong melalui talian +673 8267804 atau Jabatan Teknikal NFABD, Awang Rozaimienizam melalui talian +673 8353247.




SEMBILAN penunggang basikal dari Pasukan Berbasikal Jiwa Kacau (JKCT) yang akan menyertai Perlumbaan 180 Kilometer Pulau Indah bergambar ramai sebelum berlepas meninggalkan negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

# Timba pengalaman sukan bola keranjang

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Masri Osman



PARA peserta semasa sesi latihan dan mendapat tunjuk ajar daripada pemain-pemain bola keranjang Universiti Sungkyunkwan (SKKU).




AHLI Jawatankuasa Persatuan Bola Keranjang Brunei, Lim Kok Shien.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 10 Januari. - Lebih 40 pelajar terdiri Tahun 7 ke atas dari pelbagai sekolah menengah berpeluang menjalani latihan sukan bola keranjang berlangsung di Dewan Persatuan Bola Keranjang Brunei, di sini.

Pelajar-pelajar dibimbing oleh 11 pemain yang didatangkan dari Republik Korea yang diketuai oleh Profesor dari Universiti Sungkyunkwan (SKKU), Kim Yun Bae.

Para pemain dari SKKU berada di negara ini sejak 1 Januari lalu, di mana mereka juga akan ikut serta dalam dua Perlawanan Bola Keranjang, iaitu perlawanan di antara SKKU dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan perlawanan di antara SKKU dan Beruang Blazer Brunei pada 12 Januari.

Sementara itu, salah seorang Ahli Jawatankuasa Persatuan Bola Keranjang Brunei, Lim Kok Shien yang juga merupakan Pensyarah UBD ketika ditemui menjelaskan, tujuan utama diadakan latihan bagi sukan bola keranjang ini adalah untuk mengembangkan lagi sukan tersebut kepada pelajar, di samping menggalakkan generasi muda terlibat dalam sukan ini.

Selain itu, katanya, para pelajar dapat menimba pengalaman dan pembelajaran yang dapat diperoleh daripada pemain-pemain dari Korea yang berkelayakan ini khusus mengenai Sukan Bola Keranjang, di samping menggalakkan para pelajar mengamalkan gaya hidup sihat.

"Apa yang dapat dilihat pada masa kini, sukan bola keranjang yang dulunya sering dimainkan oleh generasi berbangsa Cina namun pada masa ini telah didedahkan dan berkembang kepada pelbagai bangsa termasuk Melayu dan India," ujarnya.

Dengan adanya pendedahan kepada generasi muda dalam sukan bola keranjang ini tambahnya, diharap sukan ini akan terus berkembang dan dapat menarik minat masyarakat lain untuk menyertai sukan ini.

# UBD akur kepada Universiti Sungkyunkwan

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 10 Januari. - Pasukan Universiti Brunei Darussalam (UBD) terpaksa akur dengan kekalahan mereka apabila tewas kepada pasukan Universiti Sungkyunkwan (SKKU) dengan kiraan 61 - 118 pada Perlawanan Persahabatan Bola Keranjang yang dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa UBD.

Perlawanan tersebut berlangsung di Gelanggang Persatuan Bola Keranjang Brunei Darussalam (BBA), Batu Bersurat, Gadong, di sini.

Ia bertujuan untuk memupuk hubungan baik antara UBD dan SKKU, di samping memantapkan dan menghidupkan semula kelab bola keranjang antara kedua-dua pasukan.

Hadir menyaksikan perlawanan tersebut ialah Setiausaha di Kedutaan Republik Korea, Tuan Yang Terutama Kwon Ja Yong dan Pemangku Naib Canselor UBD, Dr. Teo Siew Yean.

Perlawanan yang sama seterusnya akan diadakan pada Jumaat ini, 12 Januari 2018 di antara pasukan SKKU menentang Beruang Blazers di Gelanggang Persatuan BB, Batu Besurat pada jam 7.00 malam.




ANTARA aksi menarik pada perlawanan di antara Universiti Brunei Darussalam dan University Sungkyunkwan pada Perlawanan Persahabatan Bola Keranjang yang dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa UBD.

# Yoo Jong Ho juara Kejohanan Golf Rookie Korea PGA




PENGERUSI Welcome Financial Group, Son Jong Ju dan Ketua Pegawai Eksekutif Money Today Broadcasting, Yu Seung Ho menyempurnakan penyampaian hadiah pada Kejohanan Golf Rookie Korean Pro-Golfing Association (PGA).

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi

**JERUDONG,** Rabu, 10 Januari. - Yoo Jong Ho dinobatkan juara setelah mendapat tempat teratas pada Kejohanan Golf Rookie Korean Pro-Golfing Association (PGA) yang memasuki hari terakhir dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah yang diadakan di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Hotel & Country Club, di sini.

Sementara itu, pemain Lee Yoo Ho terpaksa akur tempat kedua setelah tewas pada perlawanan yang telah bermula pada 6 Januari lepas.

Pada majlis tersebut, penyampaian hadiah disempurnakan oleh Pengerusi Welcome Financial Group, Son Jong Ju dan Ketua Pegawai Eksekutif Money Today Broadcasting, Yu Seung Ho.

Dalam pada itu, Negara Brunei Darussalam menjadi tumpuan bagi para penggemar sukan golf apabila pemain-pemain Golf Rookie dari Republik Korea beraksi untuk merebut gelaran juara dalam Kejohanan Golf Rookie Korea PGA.

Seramai 16 pemain Rookie Terbaik dari negara berkenaan beraksi di antara satu sama lain pada kejohanan yang diungkayahkan di negara ini oleh Sinar Tour dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Pelancongan dan The Empire Hotel & Country Club.

Turut hadir, Pengurus The Empire Hotel & Country Club, Nigel Badminton.

# Sukan

**INFO SUKAN**

CATUR adalah permainan strategi, taktik, kecerdasan dan keterampilan permainan yang berbeza di antara seorang pemain dengan pemain yang lain. Hampir setiap pergerakan buah catur tergantung pada gerak langkah dan strategi lawan.

ePaper Pelita Brunei

## 12 pasukan sertai Kejohanan Sepak Takraw Piala YSHHB





PENGARAH Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Dato Paduka Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny hadir selaku tetamu kehormat semasa menerima Piala Rebutan Jubli Emas daripada Yang Di-Pertua Persatuan Sepak Takraw Negara Brunei Darussalam (PESTABARU), Pengiran Haji Alihassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Abas (kiri). Sementara gambar kanan, antara aksi dua buah pasukan yang menyertai kejohanan tersebut sejurus selepas perasmian.

Oleh : Saerah Haji Abd Ghani
Foto : Masri Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 12 Januari. - Sebanyak 12 pasukan menyertai Kejohanan Sepak Takraw Regu Kebangsaan Piala Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) sempena Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.

Sehubungan itu, majlis perasmian kejohanan tersebut diadakan di Dewan Menglait, Gadong yang disempurnakan oleh Pengarah Urusan YSHHB, Dato Paduka Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny selaku tetamu kehormat.

Majlis dimulakan dengan penyerahan Piala Rebutan Jubli Emas yang disampaikan oleh Yang Di-Pertua Persatuan Sepak Takraw Negara Brunei Darussalam (PESTABARU), Pengiran Haji Alihassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Abas kepada tetamu kehormat diikuti dengan pembukaan rasmi kejohanan.

Tetamu kehormat kemudian diperkenalkan kepada para pengadil, pengurus pasukan dan para pemain.

Kejohanan dimulakan dengan pertemuaan di antara Panca Delima dengan Triple H dan juga pasukan Sengkurong 'C' dan pasukan Majlis Sukan Polis Diraja Brunei (MS PDB) 'B'.

Pasukan-pasukan kejohanan tediri dari pasukan MS PDB 'A', pasukan MS PDB 'B', pasukan MS PDB 'C', pasukan Sengkurong 'A', pasukan Sengkurong 'B', pasukan Sengkurong 'C', pasukan Muara Spurs 'A', pasukan Muara Spurs 'B', pasukan 88 'A', pasukan 88 'B', Panca Delima dan Triple H.

Kejohanan anjuran PESTABARU dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

## DSP United FC tewaskan Menglait FC 3 - 1

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**TUTONG,** Rabu, 10 Januari. - Kesilapan dalam pertahanan di pintu gawang pasukan Menglait FC membawa kesan yang berat dalam keputusan perlawanan menentang pasukan DSP United FC dalam kancah Perlawanan Piala FA Brunei DST 2017 yang diadakan di Kompleks Sukan Tutong, di sini.



PASUKAN DSP United (jersi putih) lebih mendominasi perlawanan menentang pasukan Menglait FC pada perlawanan Piala FA Brunei DST 2017 yang berlangsung di Kompleks Sukan Tutong.

Suasana perlawanan yang pada mulanya agak hambar dengan serangan-serangan yang tidak membuahkan hasil akhirnya dihidupkan dengan jaringan bagi pasukan DSP United FC melalui sepakan Awang Khairul Azmi bin Mohammad, setelah penjaga gol pasukan Menglait FC Awangku Sharil Muiz bin Pengiran Hashim gagal menangkap kemas bola yang cuba dikeluarkan oleh pemain pertahanannya, mengakibatkan kemasukan gol di gawang sendiri pada minit ke-38 pada separuh masa pertama.

Pasukan DSP United FC kemudian menambah jaringan sejurus perlawanan babak kedua bermula di minit ke-46 oleh Awang Md. Hafiy bin Adnan.

Namun pasukan Menglait FC tidak berputus asa dan segera menyusun serangan, yang mana peluang tiba pada minit ke-49 melalui sepakan percuma yang disudahkan oleh Awang Md. Haziq Kasyful Azim bagi mengurangkan jarak perbezaan gol.

Akan tetapi, pasukan DSP United FC lebih bijak mendominasi perlawanan pada babak kedua melalui strategi dan susunan permainan yang teratur sehingga menghasilkan gol ketiga pada minit ke-73 melalui rembatan kencang Awang Arifubullah bin Masli dari luar kotak penalti.

Perlawanan berakhir dengan keputusan DSP United FC menewaskan Menglait FC 3 - 1.

### Tahukah Awda

**KEMENTERIAN** Kesihatan memaklumkan bahawa mulai Isnin, 15 Januari 2018, Pusat Suntikan Brunei Muara yang bertempat di Pusat Pemeriksaan Kesihatan Berakas akan memulakan sistem perjanjian kepada orang ramai yang ingin mendapatkan perkhidmatan suntikan vaksinasi yang diperlukan.

Sistem perjanjian bagi perkhidmatan suntikan vaksinasi ini dihasratkan dapat memudahkan orang ramai merancang untuk membuat perjumpaan dan seterusnya dapat mengurangkan waktu menunggu mengikut jadual atau perjanjian yang telah ditetapkan.

Kaedah sistem perjanjian ini diperkenalkan di samping perkhidmatan secara *walk-in* (tanpa perjanjian) yang ada pada masa ini bagi meningkatkan dan mengoptimakan perkhidmatan suntikan vaksinasi di Pusat Suntikan tersebut, yang mana klien yang telah membuat perjanjian awal akan diberikan keutamaan.

Sehubungan dengan ini orang ramai yang ingin mendapatkan perkhidmatan vaksinasi berkenaan bolehlah membuat perjanjian terlebih dahulu dengan menghubungi talian +673 2331100 / 2 / 3 / 4 sambungan 5 atau 2086.

**SUMBER :** Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan, 4 Januari 2018.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

**AMALAN BERWAKAF ADALAH IBADAH SEDEKAH JARIAH YANG DIBERI GANJARAN PAHALA**

دريبيتكن اوليه جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه جابتن ڤرچيتقن كراجا‌ن، نڬارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.